

قیٰتیقین قیٰته

PETIKAN TITAH

"SISTEM pengeluaran, pengutipan dan pengagihan zakat adalah diambil daripada Al-Quran dan Al-Hadis, sebagai satu cara pengurusan ekonomi umat Islam". - Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1439H / 2018M.



**Pelita**  
**BRUNEI**  
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

ڦلڊو

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

TAHUN 65 / BILANGAN 23

22 FEBRUARI 2020 / 1441 28 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

# Berangkat ke Majlis Resepsi Perkahwinan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi Perkahwinan di antara Awang Mohd. Shahmi bin Datuk Seri Panglima Haji Mohammad Shafie dan Dayang Nurtasha Jayos binti Ahmad Johar yang berlangsung di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 3).

## Wira Fajar, terapkan nilai akhlak belia

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Februari. - Negara telah banyak menyumbang kepada rakyat dan sudah setentunya, kita selaku rakyat perlu menyumbang kembali kepada negara. Al-Quran sendiri telah mengajarkan kita untuk membalaik perbuatan baik itu dengan perbuatan yang baik.

Kita perlu menghayati makna sebenar erti kemerdekaan itu baharulah kita akan sedar akan betapa besarnya nikmat kemerdekaan yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada negara kita.

Perkara itu ditekankan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sallehuddin

semasa menyampaikan Tazkirah Subuh bertajuk 'Untuk Mu Darussalam' serta memperingati peranan belia sebagai golongan yang semestinya diberikan penghayatan tentang nilai kemerdekaan yang kita kecapi, kerana mereka asset penting dalam mempertahankan dan memajukan negara.

"Sentiasa kembali kepada Allah dalam apa jua tindak tanduk yang kita lakukan, terutama dalam menerajui negara, kerana dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah lah akan dibukakan segala pintu-pintu keberkatan dari langit dan bumi," jelasnya semasa Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah di Masjid Kampung Lumapas.

Ke muka 5

## Pakai jaket keselamatan semasa menaiki perahu

Siaran Akbar :  
Pihak Berkua Maritim  
dan Pelabuhan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Februari. - Dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kewaspadaan ke atas semua pengguna-pengguna kenderaan air, Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) ingin mengingatkan kepada orang ramai, terutamanya yang akan menggunakan perahu tambang untuk menuju ke Bandar Seri Begawan, agar sentiasa memakai jaket keselamatan semasa menaiki perahu lebih-lebih lagi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.

Dalam hal ini, pihak MPABD menghendaki supaya pengendali perahu untuk menyediakan jaket keselamatan yang mencukupi dan tidak membawa penumpang melebihi daripada jumlah muatan yang telah ditetapkan. Pihak MPABD juga, akan menjalankan rondaan dan pengawalan di jeti-jeti penaikan perahu.

Orang ramai dan pengendali perahu adalah disarankan untuk memberikan kerjasama demi untuk menjaga keselamatan bersama dan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku semasa Sambutan Hari Kebangsaan tersebut.



**KELUARAN KHAS**  
PELITA BRUNEI hari ini menerbitkan KELUARAN KHAS sempena Sambutan Ulang Hari Kebangsaan Ke-36

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



SIAP sedia bagi acara Kemuncak Hari Kebangsaan

Muka 7



KAD Doa diagihkan kepada masjid-masjid utama

Muka 9

# Beberapa inisiatif tambahan akan dilaksanakan

Bismillahir Rahamanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai dengan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir di Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada petang ini. Peramba / kaola / saya mewakili Setiausaha - Setiausaha Tetap, Timbalan - Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) suka-cita mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat ke majlis ini.

Setelah mendapatkan *insights* terhadap struktur organisasi dan peranan serta tugas KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya, berikutan dari lawatan Ahli-Ahli Yang Berhormat ke Jabatan Penjara Maraburong pada hari yang lepas dan menyaksikan booth pameran yang disediakan di Hari Terbuka KHEDN pagi tadi, kita berharap Sesi Muzakarah kali ini dapat puja kita jadikan sebagai wadah untuk bertukar-tukar fikiran, mengongsikan pandangan yang membina, menerima cadangan dan juga mendengar isu-isu semasa yang akan dapat menyumbang kepada merapatkan lagi jurang dalam perkhidmatan dan dasar kementerian ini ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan dan peningkatan kesejahteraan orang awam dan merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

KHEDN telah pun menyusun beberapa inisiatif dan rancangan bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan di samping kekal memelihara kesejahteraan dan keamanan Negara Brunei Darussalam. Ia juga selaras dengan rancangan strategi kementerian ini bagi membantu mengukuhkan keselamatan, kesejahteraan, memangkin sosioekonomi dan meningkatkan perpaduan masyarakat.

Sehubungan itu, di era yang serba digital dan di mana dunia sedang memasuki Fourth Industrial Revolution, kementerian ini terus berusaha memudahkan cara proses pengurusan dengan menambah beberapa perkhidmatan di atas talian. Inisiatif-inisiatif ini juga dapat mengukuhkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Antaranya ialah pembayaran perkhidmatan menggunakan kad debit / kredit di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi meningkatkan kualiti kerja dan memberi kemudahan orang ramai untuk membuat urusan di Jabatan tersebut.

JIPK dan Jabatan Buruh juga sedang giat melaksanakan satu sistem dengan dukungan pihak Pusat Kebangsaan



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara 2020 pada Sabtu, 22 Jamadilawal 1441H bersamaan 18 Januari 2020M di Bilik Mesyuarat Aras 4, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.**

E-Kerajaan (EGNC) yang mana diharap akan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan kepada orang ramai dalam berbagai perkhidmatan seperti pendaftaran Kad Pengenalan, Pasport, pendaftaran kelahiran, kematian dan penggunaan biometrik di pos-pos kawalan. Sistem ini juga akan memberi kaedah pembaharuan di dalam proses dan kebenaran mengeluarkan visa dan pas kerja serta perkara-perkara yang berkaitan dengan warganegara asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam dengan lebih efisien dan teratur. Antara impak utama adalah memberikan peluang untuk orang ramai menghadapkan berbagai permohonan secara *online* dan mengurangkan tempoh proses pemberian kelulusan. Salah satu lagi faedah penting yang akan diperoleh dengan sistem ini ialah mengukuhkan lagi aspek sekuriti di pos-pos kawalan di negara ini dengan penggunaan biometrik. InsyaaAllah sistem ini dijangka akan mula digunakan pada bulan Julai tahun ini.

Kita juga di dalam proses melaksanakan sistem e-Voting. Sistem aplikasi ini nanti akan dapat digunakan untuk mengundi calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung di samping kaedah pengundian melalui tablet pengundian yang telah sedia ada. InsyaaAllah ia

akan dapat membantu mempercepatkan proses-proses pengisian jawatan penghulu mukim dan ketua kampung dengan memanfaatkan kaedah sistem teknologi moden secara kos efektif.

Alhamdulillah, dalam ekonomi dunia yang belum pulih, iklim perniagaan yang berubah dan juga cita rasa pengguna yang berubah, kementerian ini, telah melancarkan website Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Dengan adanya platform berkenaan, ia akan dapat membantu pengusaha-pengusaha 1K1P memperkenalkan produk mereka kepada orang ramai dan seterusnya membantu meningkatkan pemasaran produk-produk mereka.

Seterusnya, di bawah usaha 1K1P, Alhamdulillah, kita juga telah pun menjalin kerjasama dengan Syarikat Ganim bagi mempromosikan lima produk untuk di angkat bagi menembusi pasaran luar negara. Lima produk tersebut adalah kerepek pisang madu, kuih tart nenas, kerepek ubi, kuih jala dan teh herba. Kementerian ini melalui institusi mukim dan kampung akan sentiasa meneliti semula, menyelaras dan menyesuaikan dengan perubahan-perubahan masa ini sama ada dari segi produk, operasi dan sebagainya.

Di dalam mendukung kewujudan masyarakat yang hidup harmoni dan sejahtera dan selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu 2020, bahawa "Keamanan dan kesejahteraan sangat penting untuk pembangunan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, pembangunan pasti tergantung. Bahkan rancangan-rancangan atau usaha-usaha merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan juga akan terjejas. Di similah harga keamanan itu". Demikian titah baginda. Dari itu, beberapa inisiatif tambahan akan dilaksanakan ke arah menukar sikap masyarakat umumnya menjadi rakyat yang patuh kepada undang-undang (*law abiding citizens*) dan dalam masa yang sama menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan dengan mengenalkan kaedah kompaun sebagai *deterrent* kepada potensi pesalah laku atau *potential offenders*. Kita sedang di dalam proses membuat pindaan kepada beberapa akta seperti; Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 dalam menangani isu pembuangan sampah dengan mengenakan denda yang lebih berat dan juga Fire Safety Order 2016 (mengawal keselamatan kebakaran ke atas premis-premis perniagaan) di mana kita berharap dengan adanya perubahan-perubahan tersebut, ia akan mengenakan kompaun ke atas premis-premis perniagaan yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Ke muka 5

## Dari Sidang Pengarang.

22 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441H

### SAYANGI DAN LINDUNGI ANAK-ANAK KITA

DALAM zaman yang penuh dengan cabaran ini, sudah tentu anak-anak kita terdedah kepada ancaman dunia yang mempunyai banyak ancaman terhadap kesejahteraan mereka. Tidak dinafikan bahawa itu boleh berlaku bila-bila masa tanpa diduga. Oleh yang demikian, kita semua hendaklah sentiasa peka dan berwaspada akan keselamatan anak-anak kitani agar mereka ini boleh membesar dalam persekitaran yang sihat dan selamat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam ucapannya baru-baru ini mengingatkan bahawa kita semua memainkan peranan yang penting, setiap kita perlu mendidik diri sendiri dan orang lain tentang kepentingan melindungi anak-anak dan bagaimana untuk melakukannya.

Jelasnya adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mencipta dan mengukuhkan undang-undang, dasar-dasar dan mekanisme agar kanak-kanak boleh dilindungi daripada pendera dan pemangsa.

Beliau turut mengongsikan statistik daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, bilangan kes penderaan kanak-kanak dari 2014 dan 2018 telah meningkat sebanyak 23 peratus.

Berucap pada Majlis Perasmian Kursus Pengenalan 'Safeguarding Children', Yang Berhormat menjelaskan bahawa setiap tahun, bahagian kerja sosial perubatan menerima sekitar 300 kes untuk pelbagai isu berkaitan perlindungan kanak-kanak termasuk purata 30 kes kehamilan remaja dan antara 40 hingga 50 kes penderaan kanak-kanak setiap tahun.

Matlamat utama adalah untuk menghentikan keganasan sebelum ia bermula dan pencegahan memerlukan pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keganasan.

Terdapat Empat peringkat Model Ekologi bagi Pencegahan Keganasan yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membantu memahami situasi dan menerangkan punca keganasan yang berhasil daripada empat peringkat interaksi pelbagai faktor seperti tahap individu, hubungan, masyarakat dan tahap sosial.

Oleh sebab faktor interaksi yang begitu banyak peringkat, melindungi kanak-kanak daripada keganasan memerlukan pendekatan Whole of Nation, yang mana agensi yang perlu menjalankan tugas tersebut bukan hanya daripada pihak kesihatan, pendidikan dan kebajikan sosial, tetapi juga penguatkuasa undang-undang, Biro Kawalan Narkotik, Mahkamah Syariah, penyedia perkhidmatan Internet, Jabatan Buruh dan Imigresen termasuk juga Jabatan Perumahan.

Oleh itu, semua pihak hendaklah bekerjasama untuk memastikan negara dan persekitaran di mana anak-anak kita sedang membesar selamat supaya mereka akan mencapai kedewasaan yang sihat, selamat dan dalam keadaan fizikal, psikologi dan sosial yang paling optimum sebagai persiapan mereka untuk menghadapi masa depan yang tidak menentu.

Masyarakat hendaklah memberikan sokongan penuh kepada jawatankuasa khusus dalam penjagaan kanak-kanak bagi membolehkan mereka melaksanakan inisiatif yang telah dirancang di samping untuk memastikan hak setiap kanak-kanak mendapat tahap kesihatan terbaik dalam menjalani kehidupan dengan sepenuhnya dan aktif. - Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32 °C	32 °C	32 °C
26 °C	26 °C	26 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	32 °C
26 °C	25 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	28	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	AHAD	29	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
24	ISNIN	30	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SELASA	1 REJAB	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
26	RABU	2	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
27	KHAMIS	3	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	JUMAAT	4	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
114	991	993	995	998	123	2380214

# Berangkat ke Majlis Resepsi Perkahwinan



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

**KOTA KINABALU, SABAH**, Khamis, 20 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar kenangan bersama pasangan pengantin, Awang Mohd. Shahmi bin Datuk Seri Panglima Haji Mohammad Shafie dan Dayang Nurtasha Jayos binti Ahmad Johar.

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haji Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada sebelah malam hari ini

berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi Perkahwinan di antara Awang Mohd. Shahmi bin Datuk Seri Panglima Haji Mohammad Shafie dan Dayang Nurtasha Jayos binti Ahmad Johar yang berlangsung di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu.

Sejurus berangkat tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Ketua Menteri Sabah dan isteri. Baginda berdua seterusnya disembah-kenalkan kepada pasangan pengantin yang telah selamat diijabkabulkan pada Ahad lalu, 16 Februari di Hotel 2 - 4 Marriott, Putrajaya.

Majlis Resepsi ini juga diserikan dengan upacara merenjis air mawar kepada kedua-dua pengantin, diikuti dengan santap malam.

Antara tetamu-tetamu khas yang berangkat dan hadir sama pada majlis ini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-16; Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis dan Raja Perempuan Perlis; Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri dan isteri masing-masing; dan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar.

Keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke majlis ini jelas mencerminkan keakraban hubungan istimewa antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia amnya, Sabah khasnya yang sudah sekian lama terjalin sejak berkurban lamanya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan merenjis air mawar kepada pasangan pengantin (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa berkenan disembah-kenalkan kepada pasangan pengantin (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan dijunjung memasuki dewan perkahwinan.

# Berangkat tiba ke Kota Kinabalu, Sabah



Siaran Akhbar: Jabatan Perdana Menteri  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

**KOTA KINABALU, SABAH,** Khamis, 20 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haja Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (kiri). Sementara gambar atas, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Ustaz Hamdani bin Omar sejurus keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan berangkat ke Kota Kinabalu, Sabah bagi menghadiri Majlis Resepsi Perkahwinan bagi anakanda Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohammad Shafie bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Shuryani binti Datuk Haji Shuaib.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haja Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (kiri). Sementara gambar atas, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Ustaz Hamdani bin Omar sejurus keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Berangkat mengiringi Baginda berdua ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dijunjung oleh Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau selaku Menteri Pengirin dan isteri, Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Dr. Jaina Sintian.

Apdal, dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Shuryani binti Datuk Haji Shuaib; dan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau selaku Menteri Pengirin dan isteri, Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Dr. Jaina Sintian.

## NBD - Australia kukuhkan hubungan dua hala

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar dan Menteri Wanita, Australia, Senator the Honourable Marise Payne.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Senator the Honourable bertukar-tukar pandangan dan berbincang mengenai perkara-perkara yang dapat mengukuhkan dan meningkatkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei

darussalam dan Australia khususnya mengenai pendidikan, perdagangan dan pertahanan serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Senator the Honourable juga menyampaikan sokongan Kerajaan Australia kepada Negara Brunei Darussalam sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2021.

Menyertai bersama Senator the Honourable Marise Payne pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar dan Menteri Wanita, Australia, Senator the Honourable Marise Payne.

# Wira Fajar, terapkan nilai akhlak belia



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai para jemaah mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Untuk Mu Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sallehuddin semasa Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Kampung Lumapas.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

## Dari muka 1

Program tersebut turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Awang Haji Ahmad bin Haji Hasan yang juga turut mengimamkan bagi Sembahyang

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Lumapas, Awang Haji Ahmad bin Haji Hasan yang juga turut mengimamkan bagi Sembahyang

Sunat Duha. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kelancaran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Seramai lebih 600 orang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa

Takmir Masjid Kampung Lumapas, Pegawai-pegawai Kerajaan, Persatuan-persatuan Belia, Belia-belia Masjid, Belia-belia dari sektor kerajaan dan swasta serta penduduk sekitar Kampung Lumapas menghadiri program tersebut.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh

Berjemaah Di Masjid ini bertujuan untuk mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

## HALUAN

# Beberapa inisiatif tambahan akan dilaksanakan

## Dari muka 2

Menurut statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi bulan Januari sehingga November 2019, daripada 966 pemeriksaan ke atas premis bangunan, sebanyak 683 kesalahan yang boleh dikompaun. Walau bagaimanapun, tujuan ia akan diperkenalkan ialah sebagai deterrent kepada berlakunya ketidakpatuhan (*non-compliant*) kepada keselamatan kebakaran (*fire safety*) dan yang paling penting adalah untuk memastikan setiap individu yang berkunjung ke premis-premis bangunan di negara ini khasnya premis-premis swasta akan sentiasa terpelihara dari aspek keselamatan kebakaran (*fire safety*).

Mengambil kira pentingnya penghulu dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi yang bertanggungjawab bagi membantu memastikan rakyat dan penduduk negara ini hidup dalam aman dan sejahtera, kementerian ini telah membuat beberapa inisiatif bagi memperkesan lagi tahap pemedulian rakyat dan penduduk di negara ini melalui institusi penghulu mukim dan ketua kampung.

Alhamdulillah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan bagi pelaksanaan rancangan *re-zoning* bagi kawasan Kampong Ayer dan kawasan darat. Dengan adanya projek *re-zoning* di Kampong Ayer dan juga darat, ia akan meningkatkan keberkesan pengurusan dan pentadbiran mukim-mukim dan kampung-kampung dengan mengambil kira akan keperluan dan perkembangan semasa. Ia juga menseimbangkan tugas dan tanggungjawab penghulu mukim dan

ketua kampung dalam mengurus tadbir mukim dan kampung dalam jumlah keramaian penduduk yang bersesuaian dan *manageable*.

Untuk makluman Yang Berhormat Projek *re-zoning* ini melibatkan pengurangan jawatan penghulu mukim dari 39 jawatan ke 31 jawatan (pengurangan lapan jawatan) dan penambahan jumlah ketua kampung dari 185 jawatan ke 191 jawatan.

Selaras dengan usaha tersebut juga, kementerian ini dari semasa ke semasa telah dan akan sentiasa bekerjasama dengan agensi yang berkepentingan bagi meningkatkan kapasiti penghulu mukim dan ketua kampung yang akan mejawat jawatan tersebut dengan memberikan kursus yang akan membantu mereka memimpin masyarakat di peringkat kampung, mukim dan daerah.

Dalam hal kesejahteraan jua, kita juga ingin menyentuh mengenai dengan Program Rakan Seliaan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Penjara yang bertujuan bagi membantu bekas-bekas pesalah kepada pengintegrasian ke dalam masyarakat. Untuk itu kementerian ini melalui Jabatan Penjara telah dan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan khasnya Bukan Kerajaan seperti NGOs dan pihak swasta bagi sama-sama mendukung program-program rehabilitasi yang diaturkan oleh Jabatan Penjara seperti penyediaan pekerjaan dan dorongan untuk mereka bergiat di dalam aktiviti perusahaan mikro dan kecil-kecilan melalui penglibatan ekspo dan seumpamanya. Bermula Januari 2019 sehingga Disember 2019, seramai 108 orang telah menyertai Program Rakan Seliaan berbanding sasaran 100 orang bagi tahun berkenaan, yang mana 35 orang daripadanya mempunyai pekerjaan sama ada dengan sektor swasta atau pun bermiaga sendiri. Pada bulan

Oktober 2019, Projek Jahitan dan Showroom Jualan Produk Rakan Seliaan telah mula beroperasi di Perindustrian Ringan Beribi Gadong yang mempamerkan produk-produk Jabatan Penjara. Ia diharap menjadi salah satu saluran bagi memasarkan produk jabatan berkenaan. Perlu ditekankan bahawa pencapaian ini adalah hasil sokongan penuh daripada pelbagai pihak terutama sekali daripada pihak NGOs dan swasta. Pada tahun 2019 sebanyak 28 organisasi (lapan persatuan dan 20 syarikat swasta) telah menjadi rakan strategik Jabatan Penjara berbanding 10 pada tahun sebelumnya. Untuk itu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dan berharap lebih banyak lagi pihak yang berkepentingan akan tampil menjadi rakan strategik Jabatan Penjara.

Pendekatan (*approach*) ke arah meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini juga dilaksanakan melalui program-program yang menghasilkan masyarakat yang sentiasa siap siaga atau *emergency* dan *disaster ready*. Kita mengambil maklum bahawa masyarakat sekeling memainkan peranan penting dalam turut sama menjaga kesejahteraan penduduk di kampung dan mukim masing-masing. Untuk itu, NDMC dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan akan terus melibatkan masyarakat melalui *community outreach* program masing-masing. Alhamdulillah, melalui pendekatan ini sebanyak 59 kes kejadian kebakaran pada tahun 2019 telah ditangani oleh orang awam sebelum kehadiran pihak bomba dan penyelamat ke tempat kejadian.

Kementerian ini juga turut menyumbang kepada meningkatkan aktiviti perekonomian dan seterusnya mempunyai

matlamat untuk merevitalisasi kawasan Pusat Perniagaan (Central Business District) di Bandar Seri Begawan. Dalam usaha untuk memanfaatkan aset-aset yang ada dan meningkatkan lagi kualiti aset berkenaan, Alhamdulillah, kementerian ini telah menerima kerjasama dan komitmen daripada Syarikat P Cube Sdn. Bhd. untuk melaksanakan inisiatif Public Private Partnership (PPP) iaitu; Request for Proposal to Invest, Build and Operate The Integrated Development of Multi Storey Car Park Building dan Bumiputera Commerical Trade Centre, Request for Proposal To Invest, Build and Operate The Development of Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) Building dan juga Expression of Interest to Finance, Develop, Operate and Maintain Pasar Gadong dan Tamu Selera. Diharap dengan adanya kerjasama ini, kita akan dapat menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negeri untuk memperkembangmajukan aset-aset kerajaan yang boleh mengembang dan memajukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Berdasarkan dengan inisiatif-inisiatif yang telah dibentangkan, KHEDN akan terus berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan dalam pada masa yang sama mencapai objektif Negara iaitu Wawasan 2035. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas kesedian menghadiri muzakarah pada petang ini. Saya berharap kita akan dapat sama-sama menjalankan peranan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan efisen dan berkesan.

Sekian,  
Wabilahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Kedutaan Besar Kuwait rai Hari Kebangsaan Kuwait Ke-59



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (tengah) bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi dan wakil-wakil dari Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC) memotong kek pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Kuwait Ke-59 Tahun.

JERUDONG, Khamis, 20 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam malam tadi mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait

Ke-59 yang berlangsung di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Kuwait.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi berserta wakil-wakil Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC) terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jassim Ali Abdullah Al Obaidli dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muhamna bersama-sama memotong kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan

Kuwait.

TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam seterusnya menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Negara Brunei Darussalam dan Kuwait menjalankan hubungan diplomatik sejak 1 Mei 1990 dan terus berkembang sehingga kini meliputi bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.

Sejak penubuhan diplomatik, kedua-dua buah negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan di antara pemimpin, pembesar dan mengadakan mesyuarat dua hala di antara kedua-dua buah negara.

Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan pejabat di Kuwait pada bulan Disember 2009, manakala Kuwait pula menubuhkan pejabat kedutaannya di Bandar Seri Begawan pada bulan September 2008.

## Tinjau kelancaran Majlis Kesyukuran Sempena HK Ke-36



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai Ketua Hakim Syar'ie, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain meninjau persiapan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Bagi memastikan kelancaran Majlis

Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa

Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang akan diadakan pada 22 Februari ini, tinjauan telah dibuat di Masjid Omar Ali Saifuddien di sini, hari ini.

Tinjauan dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain tumpuan utama di Masjid Omar Ali Saifuddien, acara keagamaan itu juga akan diadakan di beberapa buah masjid di seluruh negara sebagai tumpuan iaitu Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Bagi Daerah Belait, tumpuan majlis ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait. Bagi Daerah Tutong pula akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, sementara itu, di Daerah Temburong, majlis akan berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika ditemu bual semasa raptai tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Dalam memastikan persembahan

# Majlis doa kesyukuran sempena Puja Usia DPMIM



HADIR pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Timbalan Mufti Kerajaan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 Februari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD Ke-46 tahun. Majlis diadakan di Masjid

Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Madang.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat

Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Madang.

Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

Majlis dimulakan dengan sembahyang Fardhu Asar berjemaah, diikuti dengan membaca Surah Yassin dan Doa Khas Kesyukuran bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia, AMBD dan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam telah mengalami perkembangan yang signifikan. Ini termasuklah usaha-usaha giat DYTM dalam merealisasikan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu pusat Kewangan Islam antarabangsa.

Dengan sokongan, nasihat dan kebijaksanaan DYTM, Negara

Brunei Darussalam telah berjaya menempatkan kedudukan 10 teratas di dunia bagi perkembangan sektor Kewangan Islam, menurut laporan ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2019.

Selain dari itu, DYTM juga telah berjaya membuat transformasi bertaraf antarabangsa terhadap infrastruktur kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan penubuhan Biro Kredit dan Sistem Pendaftaran Cagarang.

Hasilnya, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mendapat tempat teratas di dunia dalam World Bank Ease of Doing Business Report, Getting Credit Indicator bagi tahun 2019 dan 2020.

Atas inisiatif DYTM juga, pada peringkat ini, AMBD sedang mengatur langkah-langkah strategik dengan menggalakkan penggunaan teknologi dalam sistem kewangan Negara Brunei Darussalam melalui penerbitan Brunei Darussalam Digital Payment Roadmap, dan penubuhan AMBD Fintech Regulatory Sandbox.

## Pendekatan menyeluruh BIBD ke arah pembangunan model insan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Pengurusan Kanan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) semasa Majlis Penganugerahan Dana Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Program BIBD ALAF Kali Ke-7 bagi Sesi Akademik 2020 & Majlis Penyampaian Hadiah Kepujian Pelajar BIBD ALAF Cemerlang Sesi Akademik 2019 baru-baru ini.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Februari. - Dengan kemunculan Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) dan usaha memacu Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara pintar, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) terus komited dalam memastikan tenaga kerja mereka sudah bersedia dan dapat memenuhi perubahan yang telah dibawa oleh arus perkembangan dunia dan trend tempatan.

Sehubungan itu, BIBD telah mulakan kumpulan transformasi dalam untuk memastikan tenaga pekerjanya sesuai dengan kemahiran dan kecekapan digital yang diperlukan sekali gus berkembang maju selaras dengan revolusi digital seterusnya.

Selain itu, pihak bank turut memberi tumpuan kepada peningkatan akses pembelajaran dengan memanfaatkan alat dan platform pembelajaran dalam talian. Ketika ini, pengurusan kanan BIBD dan pemimpin yang baharu muncul boleh mengakses lebih daripada 100 modul pembelajaran melalui Islamic Markets, pembelajaran dalam talian, risikan kewangan dan

platform pelaburan untuk ekonomi Islam global.

Pada tahun 2018, BIBD telah diiktiraf oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dengan Anugerah Kerjasama Cemerlang Antarabangsa (OICA) untuk pelaburan mereka dalam pembangunan bakat, khususnya dalam usaha mereka untuk meningkatkan kemahiran profesional dan membangunkan keupayaan kewangan Islam.

Timbalan Pengarah Urusan, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman, mengulas, "Alhamdulillah, usaha kami untuk meningkatkan peluang dan keupayaan untuk modal insan negara, terutamanya dalam Kewangan Islam, adalah selaras dengan komitmen kami untuk menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Harapan kami bahawa pembelajaran dan usaha pembangunan kami akan melengkapkan kakitangan kami dengan alat pasaran yang secara terus menerus meningkatkan

pengalaman pelanggan kami."

Untuk menghasilkan tenaga kerja tempatan yang mampu kekal berdaya saing dalam arena antarabangsa, BIBD juga memanfaatkan rangkaian antarabangsa untuk menyediakan penempatan kerja dan peluang penempatan kerja di luar negara. Pada masa ini, empat pekerja BIBD telah ditempatkan di pejabat luar negara BIBD iaitu di Dubai dan Singapura bagi memperkayakan pengalaman kerja mereka, sementara dua orang lagi kini diberi peluang penempatan kerja dengan bank berprestij antarabangsa di Malaysia.

Komitmen BIBD untuk mempersiapkan diri dengan trend masa depan juga diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang dapat membantu bakat tempatan yang baharu dan muncul dan berkembang serta menuju ke arah kebaikan negara secara keseluruhan.

Program Sarjana Pengurusan Siswazah (GMT) BIBD adalah salah satu inisiatif berterusan BIBD untuk membina bakat tempatan yang kuat untuk masa depan kepimpinan yang membawa BIBD lebih dekat ke

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Pada bulan Julai 2019, BIBD menerima enam siswazah baharu di bawah program ini.

Agensi GMT dipilih setelah menjalani proses pemilihan yang ketat dan apabila menyertai bank ini, mereka akan diberikan peluang untuk memperluas pengetahuan teknikal, kemahiran kepimpinan dan latihan serta pendedahan yang berterusan. Program GMT juga mewakili jalan lain di mana BIBD berusaha untuk menyediakan peluang pekerjaan yang bermakna bagi bakat tempatan kami.

Menyedari bahawa pendekatan Whole of Nation adalah kunci untuk menghasilkan keputusan yang sangat berkesan, BIBD kerap bekerjasama dengan institusi pembelajaran tempatan untuk menyediakan peluang pembelajaran dan latihan. BIBD telah lama menjadi rakan kerja dan penyokong kuat Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) untuk menyampaikan inisiatif Pimpinan Meningkat dalam Kewangan Islam (ALIF).

ALIF adalah perkembangan pembelajaran profesional yang bertujuan untuk menghasilkan pemimpin serba boleh, inovator dan pakar dalam Kewangan Islam. Laluan pembelajaran profesional merangkumi semua Sektor Kewangan Islam termasuk Perbankan Islam, Takaful, dan Pasaran Modal Islam.

Apa yang paling penting, Kepimpinan Islam ditanamkan dalam program ini untuk melengkapkan pemimpin dan pakar berpotensi dengan konsep, prinsip dan amalan Kepimpinan dan Pengurusan Islam. Semasa sambutan Ulang Tahun Ke-10 CIBFM baru-baru ini pada 31 Januari 2020, BIBD diiktiraf oleh CIBFM sebagai Best Supporter For Events (Stakeholders).

Pada 2018, BIBD juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB). Kerjasama itu termasuk projek dan program yang dimulakan oleh kedua-dua

organisasi, termasuk anugerah pendidikan dan biasiswa, ceramah industri dan kursus pendek, program penyelidikan, latihan pendidikan dan industri beberapa inisiatif lain. Kerjasama ini juga termasuk biasiswa Masters by Coursework yang diperpanjang oleh UTB untuk pekerja BIBD dalam bidang pengkomputeran dan perniagaan, biasiswa di peringkat Ph.D untuk pekerja UTB mengenai skop dan bidang penyelidikan, dan biasiswa ALAF Bursary - biasiswa program yang ditawarkan untuk pelajar kurang bernasib baik.

Penandatanganan MoU ini merupakan sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menyokong dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 untuk memudahkan pembangunan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ke arah sifar kemiskinan dan menyediakan pendidikan kepada BIBD yang kurang mampu, melalui salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat BIBD ALAF, melaburkan dengan ketara dalam mendidik dan memupuk bakat-bakat di antara yang kurang berkemampuan untuk mempersiapkan mereka untuk masa hadapan .

Memandangkan BIBD berusaha untuk meletakkan dirinya sebagai Bank Islam terbaik di Asia Pasifik, pihak bank percaya bahawa asas kejayaannya dan sememangnya masa depan negara bergantung kepada kualiti dan kecekapan rakyatnya.

Justeru, BIBD akan terus melabur dan meraikan tenaga kerja yang cemerlang. BIBD juga teguh dalam komitmen dan sokongannya kepada Rangka Tindakan Sektor Kewangan AMBD dan Wawasan Brunei 2035 untuk memperkuat dan membangunkan modal insan yang akan memainkan peranan penting dalam kejayaan negara tercinta kita.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (kanan) semasa menyampaikan kad-kad doa kepada Imam-imam Masjid-masjid Utama seluruh negara.**

KIARONG, Rabu, 19 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-36 Tahun, Majlis Penyerahan Kad Doa Memohon Kepada Allah Supaya Terselamat Daripada

Segala Jenis Penyakit petang tadi diadakan di Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul

Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat menyempurnakan penyampaian kad doa kepada Imam-imam Masjid-masjid Utama seluruh negara.

Bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat pada majlis tersebut pula dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

kerja-kerja pencetakan Kad Doa diselenggarakan oleh Pusat Da'wah Islamiah dengan

## Kad Doa diagihkan kepada masjid-masjid utama

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD).

Adapun tujuan pengedaran kad doa tersebut adalah sebagai menyokong inisiatif kerajaan dan sebagai media dakwah dengan mengedarkan kad doa secara percuma terutama dalam menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan penyakit berjangkit seperti COVID-19.

Dengan adanya perkongsian

tersebut, akan dapat menggalakkan pembacaan doa tersebut selepas sembahyang di masjid-masjid di seluruh negara sebagai ikhtiar dan permohonan kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta seluruh umat Islam dijauhkan dari malapetaka dan penyakit.

Ia dapat diamalkan sebagai salah satu ikhtiar berdoa memohon kepada Allah sesuai dengan fungsinya sebagai senjata umat Islam.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Setap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

## Isu keselamatan rantaui, antarabangsa dibincangkan

### ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING RETREAT

19 February 2020

HA NOI, VIET NAM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

VIET NAM, Rabu 19 Februari. - ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM) Retreat telah berlangsung hari ini di Melia Hotel Hanoi. Retreat ini adalah permulaan bagi Viet Nam dalam mempergerusikan ADMM bagi tahun 2020.

Mewakili Negara Brunei Darussalam ke ADMM Retreat, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan Negara Brunei Darussalam, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah, dan Pengarah Dasar Pertahanan, Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Semasa Retreat tersebut, Menteri-Menteri Pertahanan

ASEAN telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu keselamatan rantaui dan antarabangsa, dan membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan persediaan bagi mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus pada November 2020.

ADMM Retreat juga telah mengeluarkan Kenyataan Bersama oleh Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN mengenai Kerjasama Pertahanan Melawan Penyakit Berjangkit, yang mana menekankan Solidariti ADMM dan semangat komuniti yang padu

dan responsif dalam menangani wabak Novel Coronavirus 2019 (COVID-19).

Mesyuarat tidak rasmi antara Menteri-menteri Pertahanan ASEAN dan Australia juga telah diadakan, di samping ADMM Retreat, yang merupakan julung kalinya diadakan. Mesyuarat tidak rasmi tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Menteri Pertahanan Nasional Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Ngo Xuan Lich dan Menteri Pertahanan Australia, Yang Berhormat Linda Reynolds.

Menteri Pertahanan Kedua juga telah mengadakan mesyuarat dua hala secara berasingan bersama Menteri Sekuriti Awam, Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam selaku Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN), dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Lim Jock Hoi.

ADMM Retreat adalah salah satu aktiviti tambahan di bawah proses ADMM, dan mendayakan dialog dan penglibatan negara-negara ASEAN sebelum mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus dilangsungkan.



SUASANA pada ADMM Retreat Melia Hotel Hanoi, Viet Nam.

# 'Kurma App' dihasratkan mudahkan pengagihan

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan pengurusan pengagihan kurnia peribadi baginda iaitu buah kurma sebagai juadah berbuka puasa sempena bulan Ramadan kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pembahagian Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1441H / 2020M iaitu wakil-wakil dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis

Bulan Ramadan 1441H / 2020M berlangsung petang tadi di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Mesyuarat dihadiri oleh wakil-wakil dari 13 buah Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dalam membantu YSHHB mengendalikan pembahagian buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1441H / 2020M iaitu wakil-wakil dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis

Diraja Brunei (PPDB), Jabatan jabatan Daerah, Jabatan Hal Ehwal Masjid serta Pegawai-pegawai YSHHB.

Antara agenda yang dibincangkan adalah mengenai proses pengendalian dan pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena bulan Ramadan 1441H / 2020M dan pengenalan bagi penggunaan 'Kurma App' yang baru diperkenalkan pada tahun ini dan seterusnya melantik Urus Setia dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras Pembahagian Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM bagi Tahun 1441H / 2020M.

Bagi menambahbaikkan proses pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM bagi Tahun 1441H / 2020M, satu inisiatif baharu akan diperkenalkan iaitu melalui aplikasi mudah alih dan web 'Kurma App'.

Penggunaan aplikasi ini adalah penambahbaikan proses pendaftaran dan pengagihan buah kurma kepada rakyat dan penduduk yang beragama Islam yang tinggal di Negara Brunei

Darussalam.

Inisiatif ini dibuat adalah untuk memastikan semua rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini menerima Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM sempena bulan Ramadan.

Maklumat mengenai penggunaan aplikasi 'Kurma App' akan dimaklumkan kemudian.

Di samping itu, seperti tahun-tahun sebelumnya YSHHB juga menyediakan borang khas yang diedarkan melalui Ketua-Ketua Kampung di seluruh Negara untuk diisi oleh para penerima iaitu bagi mereka yang tidak mendaftar melalui aplikasi dalam talian (*online*) 'Kurma App'.

Mengenai proses pengagihan buah kurma pula, seperti pada tahun-tahun yang sudah, buah kurma akan dihantar terus ke pusat pengagihan buah kurma iaitu di keempat-empat Jabatan Daerah dan diagihkan melalui Ketua-ketua Kampung masing-masing bagi orang-orang awam.

Manakala pengagihan untuk anggota ABDB dan PPDB akan diagihkan melalui Jabatan dan Unit masing-masing.

Mulai tahun ini, proses pengagihan buah kurma akan dilaratkan ke pusat-pusat pengagihan buah kurma di setiap Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di bawannya termasuk Institusi Pengajian Tinggi dan juga sebahagian masjid-masjid.

Bagi bulan Ramadan 1441H / 2020M, sejumlah 158.4 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' yang dibekalkan oleh Al Madinah Dates Company, Arab Saudi akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam dengan tidak menghadkan umur dan taraf kerakyatan (setiap seorang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram).

Kapal yang membawa buah kurma dijangka bertolak dari Pelabuhan Jeddah, Arab Saudi pada hujung bulan Februari dan dijangka sampai di Pelabuhan Muara pada hujung bulan Mac 2020.

Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM pada tahun ini akan bermula dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1441H / 2020M.

Setelah Majlis Pelancaran, buah Kurma Kurnia Peribadi baginda itu seterusnya akan diagih-agihkan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam melalui pusat-pusat pembahagian yang telah daftarkan.

Pengurusan pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM itu merupakan salah satu projek khas yang dilaksanakan oleh YSHHB pada setiap tahun.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pembahagian Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM sempena Bulan Ramadan 1441H / 2020M berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB.

## Tip kebersihan diri semasa Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Kepentingan untuk sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan menjaga kebersihan merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk melindungi diri kita dan juga orang lain dari pelbagai jenis kuman yang boleh menyebabkan penyakit malah untuk menjaga kebersihan sebenarnya bukanlah satu perkara yang sulit.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah memberikan beberapa tip untuk menjaga kebersihan tangan dari bakteria dan virus khususnya semasa Sambutan Hari Kebangsaan yang bakal diraikan tidak lama lagi.

Semasa berada di kawasan

taman, para peserta digalakkan untuk menggunakan sunblock atau elakkan daripada terlalu terdedah dengan sinaran matahari (sebelum dan selepas acara) dan pastikan banyak minum air putih.

Mengambil sarapan terutama sekali bagi peserta yang terdiri daripada kanak-kanak sekolah bagi mengelakkan daripada pitam atau pening serta cuci tangan dengan menggunakan sabun sebelum dan selepas ke tandas. Jika tidak terdapat sabun, gunakanlah hand sanitizer.

Perkara-perkara ini dijelaskan

oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Noorhayati binti Haji Mohammad Kassim ketika ditemu bual sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020, yang berlangsung di Pusat Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, jika batuk perlu ditutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk atau bersin. Jika tidak mempunyai tisu, batuk atau bersin ke atas lengan baju. Cuci tangan dengan sabun dan air selepas itu.

"Jangan merokok, sentiasa berjaga-jaga dan utamakan

keselamatan. Jika berasa kurang sihat sila maklumkan kepada ketua pasukan dan dapatkan rawatan kesihatan dari kem kecemasan atau First Aid / Medical Camp yang ada di kawasan taman dan jika menghadapi demam panas, atau gejala seperti batuk atau masalah pernafasan sebelum acara berkenaan elakkan dari mengikuti acara," jelasnya.

Peserta yang mempunyai risiko tinggi ujarnya, untuk mengidap jangkitan pernafasan seperti COVID-19 dinasihatkan untuk tidak menyertai acara. Jaga kebersihan persekitaran, jika menghadapi demam panas, atau gejala seperti batuk atau masalah pernafasan sebelum acara berkenaan elakkan daripada



KETUA Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Noorhayati binti Haji Mohammad Kassim ketika ditemu bual sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020. mengunjungi tempat-tempat yang sesak dan pengunjung yang mempunyai risiko tinggi untuk mengidap jangkitan pernafasan seperti COVID-19 dinasihatkan untuk tidak menyertai acara.

# Buku 'Kesultanan Brunei Darussalam' bakal dilancar 27 Februari ini



**PEMANGKU Yang Di-Pertua PESEBAR pada sidang media tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) akan melancarkan buku berjudul 'Kesultanan Brunei Darussalam'

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

pada 27 Februari ini di Pusat Sejarah Brunei (PSB).

Buku terbitan PESEBAR dan ditaja oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah itu merupakan koleksi khas untuk disumbangkan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Pemangku Yang Di-Pertua PESEBAR, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong memaklumkan perkara tersebut pada sidang media yang berlangsung di PSB, di ibu negara.

Tujuan utama penerbitan buku tersebut ujar beliau, adalah sebagai kenang-kenangan dan penghormatan kepada Yang

Berhormat Pehin sebagai seorang pelopor dalam kajian dan penulisan sejarah Negara Brunei Darussalam.

"Hasil kajian dan tulisan beliau dalam bidang sejarah sejak 1950-an telah menjadi sumber bacaan orang ramai dan rujukan kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi serta pengkaji-pengkaji sejarah dalam dan luar negara.

"Kejayaan dan sumbangan beliau yang begitu bernilai tinggi dalam bidang sejarah yang mewajarkan beliau dikenang dan diberi penghormatan," jelas beliau.

Sehubungan inilah katanya, PESEBAR telah mengambil keputusan untuk menerbitkan sebuah buku dengan mengundang

penulis-penulis tempatan dan luar untuk menyumbangkan kajian masing-masing bukan sahaja mengenai Yang Berhormat Pehin tetapi juga aspek-aspek lain yang berkaitan dengan negara ini.

Menurut beliau, buku tersebut mengandungi 17 buah artikel yang telah disumbangkan oleh 15 penulis tempatan dan dua penulis luar negara.

Artikel-artikel itu katanya, membincarkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan sejarah, ekonomi, pendidikan, dan kesasteraan tentang negara ini.

"Sebenarnya tulisan Yang Berhormat Pehin bukan sahaja dalam bidang sejarah tetapi juga bidang-bidang lain seperti pendidikan, budaya, adat istiadat dan Melayu Islam Beraja (MIB)," jelas beliau.

Di samping itu katanya, PSB juga akan menjual dan menawarkan potongan harga bagi buku berkenaan iaitu BND25 bagi

yang berkutit tebal, serta BND15 bagi kulit nipis, pada pelancaran itu.

"PSB juga akan menjual buku 'MIB : Amanat 1984' dan sebuah buku berbahasa Inggeris yang mengandungi artikel mengenai MIB khusus bagi para peminat sejarah dan ahli PESEBAR, dengan harga istimewa.

"Penerbitan buku-buku ini bukan sahaja bagi memenuhi permintaan pembaca-pembaca tempatan tetapi juga untuk mempromosikan mengenai MIB kepada masyarakat luar," tambah beliau.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan bahawa pelancaran buku tersebut akan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku tetamu kehormat.

## Buku Tarsilah Brunei Jilid III dilancarkan 25 Februari

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Buku Tarsilah Brunei : Wasilah Ketakhtaan Kesultanan Brunei (1659 - 1828 Masihi), Jilid III akan dilancarkan pada 25 Februari ini di Pusat Sejarah Brunei (PSB), bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Timbalan Pengetua PSB selaku Pengurus Majlis Pelancaran Buku berkenaan, Awang Hanafi bin Haji Salleh berkata, buku tersebut merupakan kesinambungan penerbitan Buku Tarsilah Brunei I dan Tarsilah Brunei II.

"Buku Tarsilah Brunei I : Sejarah Awal dan Perkembangan Islam diterbitkan pada tahun 1990 yang menghuraikan tentang sejarah awal Brunei dan perkembangan Islam di negara ini.

"Manakala Buku Tarsilah Brunei Jilid II : Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran diterbitkan pada tahun 1997 antara lain mengandungi sejarah

Sultan-Sultan Brunei daripada Sultan Sulaiman, Sultan Brunei Ke-4, hingga Sultan Abdul Jalilul Akbar, iaitu Sultan Brunei Ke-10," jelas beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media yang berlangsung di PSB, di sini.

Menurutnya, buku Tarsilah Jilid III itu mengandungi 10 bab, di mana setiap bab membincangkan secara mendalam tentang sistem dan struktur pemerintahan 10 Sultan Brunei, dari Sultan Brunei Ke-11 hingga Ke-22.

"Sultan-Sultan berkenaan ialah Sultan Abdul Jalilul Jabbar, Sultan Haji Muhammad 'Ali, Sultan Abdul Hakkul Mubin, Sultan Muhyiddin, Sultan Nasruddin, Sultan Husin Kamaluddin, Sultan 'Alauddin, Sultan 'Omar 'Ali Saifuddin I, Sultan Muhammad Tajuddin, Sultan Muhammad Kanzul Alam dan Sultan Muhammad 'Alam," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarang PSB, Hajah Fatimah binti Haji Talip merangkap Timbalan

Pengerusi Majlis Pelancaran berkata, buku Tarsilah Brunei Jilid III itu adalah hasil tulisan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Katanya, majlis pelancaran buku itu akan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Beliau menambah, PSB menyarankan pencinta sejarah tanah air untuk mendapatkan ketiga-tiga buku Tarsilah Brunei iaitu Jilid I hingga Jilid III kerana setiap Jilid mempunyai cerita yang berkait rapat untuk menggambarkan keadaan sebenar peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman-zaman tersebut.

"Adalah harapan PSB untuk orang ramai membeli buku Tarsilah Brunei Jilid III kerana peristiwa sejarah masa lalu yang dikongsikan oleh penulisnya adalah sesuatu yang sangat



**TIMBALAN Pengetua PSB selaku Pengurus Majlis Pelancaran Buku (kiri) dan KETUA Pengarang PSB merangkap Timbalan Pengurus Majlis Pelancaran Buku (kanan) semasa berucap pada sidang media tersebut.**

menarik dan menggambarkan kisah masa lalu yang sukar untuk diperoleh," ujar beliau.

Di samping itu katanya, kepada mereka yang ingin mendapatkan kesemua keluaran, Pusat Sejarah berkenaan menjual buku tersebut secara pakej iaitu Jilid I, II dan III dengan harga yang istimewa.

"PSB menawarkan potongan harga yang istimewa selepas pelancaran hari tersebut dan juga

semasa Pesta Buku Brunei yang akan bermula pada 27 Februari 2020.

"PSB juga berharap Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta Institusi Pengajaran Tinggi untuk membeli buku ini sebagai sebahagian daripada simpanan dan koleksi masing-masing terutama koleksi sejarah tanah air dan seterusnya sebagai bahan bacaan dan rujukan," jelas beliau.

## JIS semarakkan Hari Kebangsaan Ke-36



**SUASANA Majlis Penaikan Bendera Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 disertai dengan irungan Orkestra daripada sekolah tersebut.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Februari. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) hari ini mengadakan Majlis Penaikan Bendera Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 tahun pada tahun ini bertempat di perkarangan tiang bendera berhadapan perpustakaan sekolah tersebut.

Pada acara tersebut, Ketua Pelajar Perempuan Sekolah berkenaan, Alex Norris besama Ketua Pelajar Lelaki, Sheng Kai turut memberikan ucapan ringkas. Manakala salah seorang pelajar tempatan, Wa'e Adanan pula dijemput untuk membacakan doa memulakan acara. Pelajar-pelajar dari Majlis Kanan Sekolah berkenaan, Fateenah Chin dan Hana Sufri juga turut menerangkan sejarah

di sebalik Sambutan Hari Kebangsaan Negara berserta tema pada tahun ini. Kenaikan bendera kebangsaan disertai dengan irungan Orkestra daripada sekolah tersebut.

Acara yang istimewa ini juga dihadiri oleh sekumpulan besar anak-anak tempatan dan juga pelajar-pelajar antarabangsa bersama ahli-ahli tenaga dan juga kakitangan pentadbiran sekolah berkenaan.

Sementara itu, Pengetua JIS, Nicholas Sheehan dalam ucapannya berkata, sambutan seumpamanya sentiasa menjadi sesuatu yang begitu berharga dengan penglibatan para penuntut sekolah berkenaan apatah lagi ia disertai dengan atur cara penaikan bendera yang diketuai oleh pelajar sekolah tersebut.

# Seminar hidrogen dalam peralihan tenaga ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**TUNGKU LINK**, Khamis, 20 Februari. - Keadaan suhu global yang semakin meningkat, digabung dengan kelemahan Asia Tenggara yang berpotensi memberi impak, memerlukan cara baharu dan cekap untuk memenuhi keperluan tenaga di rantau ini dalam memastikan masa depan Asia Tenggara terus mampan.

Dalam mengurangkan kos pengeluaran hidrogen dan menguatkan lagi dasar perubahan iklim, ditambah lagi dengan peningkatan kerjasama antarabangsa, telah membangkitkan minat dalam memajukan lagi bahan api hidrogen.

Negara-negara anggota ASEAN (AMS) sentiasa berkomitmen dalam menyertai apa sahaja usaha seperti menyertai Perjanjian Paris, usaha pihak antarabangsa dalam mengurangkan pemanasan global di bawah dua darjah Celsius di atas

paras pra-perindustrian. Sebagai usaha untuk memenuhi objektif ini, kebanyakan AMS telah menjalani inisiatif pengeluaran tenaga berdasarkan hidrogen mereka sendiri.

Sebagai tindak balas kepada trend perkembangan ini, Institut Penyelidikan Tenaga Nasional Brunei (BNERI) dan Institut Kajian DASAR (IPS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan kerjasama Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) telah mengadakan satu seminar untuk merumuskan cadangan bagi aktiviti serantau yang akan melancarkan teknologi berdasarkan hidrogen berskala besar di rantau ini.

Disokong oleh Kementerian Tenaga dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Seminar 'Peranan Hidrogen dalam Peralihan Tenaga ASEAN' dirasmikan oleh Menteri

Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien di The Empire Brunei.

Acara itu juga dihadiri oleh Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha Tetap (Tenaga), Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; Timbalan Ketua Perwakilan dari Kedutaan Jepun di Brunei, Hiroshi Abe; Timbalan Pesuruhjaya Tinggi di Suruhanjaya Tinggi Singapura di Bandar Seri Begawan, Raymond Chow dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global) UBD, Dr Joyce Teo Siew Yean. Peserta acara ini juga termasuk pelbagai pihak berkepentingan dari seluruh ASEAN serta wakil awam dan korporat dari Jepun.

Seminar ini membincangkan tiga objektif utama. Yang pertama adalah untuk mengkaji perkembangan dasar AMS dan cabaran mengenai peranan hidrogen dalam peralihan ke arah sistem tenaga karbon rendah. Kedua, untuk mengambil



YANG Berhormat Menteri Tenaga (tiga, kanan) semasa hadir pada Seminar 'Peranan Hidrogen dalam Peralihan Tenaga ASEAN'.

projek demonstrasi hidrogen yang dilaksanakan di AMS serta mendokumenkan cabaran semasa dan pelajaran utama yang dipelajari dari projek perintis ini. Akhirnya, untuk berbincang dengan pihak berkepentingan AMS tentang kemungkinan aktiviti yang boleh disokong di peringkat ASEAN untuk menggalakkan pelaburan dan penggunaan bahan api hidrogen dan teknologi.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (tengah) mendengarkan penerangan ringkas semasa menyaksikan lebih dekat pelbagai latihan pertolongan cemas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Februari. - Dalam usaha untuk meningkatkan pentadbiran yang lebih sempurna dan fokus, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam kini mempunyai Ibu Pejabat Kebangsaan yang baharu terletak di tingkat atas, Bangunan Pejabat Pos Bunut.

Hadir bagi menyempurnakan perasmian Akademi dan Ibu Pejabat Kebangsaan PBSM yang baharu ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri

Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Dalam ucapan Presiden PBSM, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim menyatakan, Ibu Pejabat Kebangsaan ini akan dapat memberikan para ahli untuk merancang, melaksanakan serta merealisasikan hala tuju persatuan berkenaan.

Selain itu, ia juga dapat memastikan kualiti pembelajaran yang berkesan dan bersistematis dalam memenuhi permintaan serta permohonan kursus yang

## Perasmian ibu pejabat baharu PBSM



MAJLIS Penandatanganan Persefahaman di antara Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan Bank Islam Brunei Berhad.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

bila berlakunya kecemasan.

Di antara kursus pertolongan cemas yang disediakan adalah Workplace Safety & Health in First Aid, Basic Cardiac Life Support (CPR & AED), First Aid For Childcare, School Safe Program dan Community Base First Aid.

Dengan adanya Akademi Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam, pensijilan yang dikeluarkan adalah mengikut piawaian antarabangsa yang diiktiraf secara global dan kini diguna pakai melalui kolaborasi bersama Syarikat Minyak Shell Sdn. Bhd., Brunei LNG Sdn. Bhd., Syarikat Penerangan Diraja Brunei dan Ashcore Sdn. Bhd.

Majlis pada pagi tadi turut menyaksikan satu penandatanganan persefahaman antara PBSM Negara Brunei Darussalam dan Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) bagi kerjasama dua hala dalam bidang berkaitan program-program latihan pertolongan cemas dan keselamatan di tempat kerja, penyediaan kecemasan awam dan pelbagai inisiatif kemanusiaan yang lainnya.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (kiri sekali dan kiri).

# Mempertahankan mahkota bangsa

**B**ERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa iaitu keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, kita berpeluang lagi untuk menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-36 di dalam suasana negara kita aman, damai dan sejahtera. Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita amat bertuah kerana dapat merasakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran hidup di bumi Darussalam yang tercinta ini.

Semua ini adalah dengan izin dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala jua dan atas kebijaksanaan kepimpinan raja kita yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran agama Islam dan menjadikan agama Islam itu sebagai asas kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dengan demikian menjadikan bumi Darussalam ini terus menerus berhias dengan berkat malah keberkatan yang menghiasi Brunei itu dapat dikesan melalui segala aspek, terutamanya dalam aspek kehidupan iaitu semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan rakyat dan penduduknya yang berbilang bangsa dan agama tanpa berlakunya sebarang pergaduhan ataupun pertelingkahan.

Ketahuilah, agama kita sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa berpegang teguh dengan tali atau agama Allah bagi menghindarkan dari berlakunya pertelingkahan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat dan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 103 yang tafsirnya :

"Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai".

Alhamdulillah, kemerdekaan yang telah kita capai sejak tiga puluh enam tahun itu, wajib terus kita pertahankan dan jaga dengan baik, kerana kemerdekaan adalah merupakan sebahagian daripada sejarah bangsa dan ia adalah mahkota bangsa yang menjadi asas kepada kedaulatan negara. Ingatlah, jika kita mencauakan kemerdekaan yang telah kita kecapaikan ini, ia bermakna kita telah mencauakan sejarah sekali gus menyembaranakan mahkota bangsa.

Sesungguhnya perjuangan dalam mengembalikan mahkota bangsa ini bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh itu, kita selaku bangsa Brunei perlu menghayati dan menoleh ke belakang untuk mengetahui sejarah pencapaian kemerdekaan ini untuk mengetahui liku-liku perjuangan generasi terdahulu iaitu berdasarkan kecintaan mereka terhadap agama, nusa dan bangsa. Ini kerana, daripada sejarah kita bermula dan daripada sejarah juga kita melakar nama. Demikianlah hebatnya sejarah. Oleh itu, selaku anak watan dan bangsa Brunei yang merdeka, kita galas dan jawat amanah serta tanggungjawab yang besar dan berat ini, bukan sahaja setakat memelihara dan mengekalkan mahkota bangsa Brunei bahkan juga untuk terus berusaha membangun negara bagi

'SESUNGGUHNYA perjuangan dalam mengembalikan mahkota bangsa ini bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh itu, kita selaku bangsa Brunei perlu menghayati dan menoleh ke belakang untuk mengetahui sejarah pencapaian kemerdekaan ini untuk mengetahui liku-liku perjuangan generasi terdahulu iaitu berdasarkan kecintaan mereka terhadap agama, nusa dan bangsa. Ini kerana, daripada sejarah kita bermula dan daripada sejarah juga kita melakar nama. Demikianlah hebatnya sejarah. Oleh itu, selaku anak watan dan bangsa Brunei yang merdeka, kita galas dan jawat amanah serta tanggungjawab yang besar dan berat ini, bukan sahaja setakat memelihara dan mengekalkan mahkota bangsa Brunei bahkan juga untuk terus berusaha membangun negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.'

Oleh yang demikian ke arah mencapai dan memastikan wawasan tersebut dapat dicapai dengan jayanya, kita hendaklah menanamkan semangat cintakan agama, raja dan bangsa, bersatu padu dan bersatu hati untuk taat setia kepada raja dan negara, menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam. Setiap rakyat dan penduduk di bumi Darussalam yang bertuah ini perlu bersama-sama berganding bahu menggembung tenaga, mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset yang berguna dalam usaha untuk membangunkan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Daripada Abu Musa Al-Ashari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Mungkin yang satu dengan yang lainnya bagaiakan sebuah bangunan yang saling memperkuat antara sebahagian dengan sebahagian yang lainnya. (Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sambil memasukkan jari-jari tangan ke jari-jari lainnya)". - Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Janganlah dibiarkan Wawasan Negara 2035 yang ingin kita capai itu sebagai satu ucapan atau ristaan semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan sahaja. Akan tetapi kita mesti lebih tegas melaksanakannya dengan penuh komitmen dan iltizam bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Di samping itu, kita hendaklah memastikan bahawa setiap usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.


Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di dalam negara yang merdeka lagi berdaulat ini, kita adalah dituntut untuk membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan seperti sikap suka berpeluk tubuh, culas dan ketandusan semangat patriotik.

Dalam tempoh 36 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, pelbagai onak dan ranjau yang telah kita tempuh untuk berjaya. Hasilnya, pada hari ini, kita mampu berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia, dan pada hari ini juga, kita berdiri sebagai sebuah bangsa yang merdeka dan negara yang berdaulat. Sesungguhnya semua ini dapat kita capai dengan izin Allah Subhanahu

Wata'ala jua dan atas kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berwibawa, berwawasan, berintegriti dan berasaskan calak Brunei yang tersendiri.

Ketahuilah, keamanan hidup dan keamanan bernegara itu akan lebih berkesan apabila rakyat dan penduduk di sebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, bagi mempertahankan mahkota bangsa Brunei yang tercinta ini dan bagi menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat kemerdekaan ini, bersempena dengan Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-36 tahun ini.

Marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara iaitu pada petang esok hari Sabtu, 28 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2020 Masihi bagi sama-sama menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran



dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Mudah-mudahan dengan doa yang kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara merdeka lagi berdaulat dan menjadi sebuah negara 'Baldatun Thayibatan Warabbun Ghafur' iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun. Aamin Ya Rabbal Alamiin.

Firman Allah dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 43 yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman".

**'JANGANLAH dibiarkan Wawasan Negara 2035 yang ingin kita capai itu sebagai satu ucapan atau ristaan semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan sahaja. Akan tetapi kita mesti lebih tegas melaksanakannya dengan penuh komitmen dan iltizam bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Di samping itu, kita hendaklah memastikan bahawa setiap usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.'**


**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 14/02/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 22 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 07 MAC 2020**

<b>1. PEGAWAI PELAJARAN (BAHASA ARAB) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = LAPAN (08) 2020/008/06</b>	<b>2. PEGAWAI PELAJARAN (KHAT) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = TIGA (03) 2020/008/08</b>
<b>3. PEGAWAI PELAJARAN (AL-QUR'AN &amp; QIRAT) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SEBELAS (11) 2020/008/05</b>	<b>4. PEGAWAI PELAJARAN (ENGLISH) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SEMBILAN (09) 2020/008/07</b>
<b>5. PEGAWAI PELAJARAN (TARANNUM) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = TIGA (03) 2020/008/10</b>	<b>6. PEGAWAI PELAJARAN (MATEMATIK) G.13 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/008/09</b>
<b>7. TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/007/02</b>	<b>8. GURU G.8 (BAHAGIAN III) JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = DUA (02) 2020/007/03</b>
<b>9. MEKANIK KENDERAAN E.2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA KEMENTERIAN KEWANGANAN DAN EKONOMI KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/007/04</b>	<b>10. PEMBANTU RENDAH PENETASAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/007/07</b>
<b>11. PENYAMPUT TETAMU / OPERATOR TELEFON E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/007/05</b>	

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0039 / 2019 / 2020 -  
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR  
BUKU-BUKU RUJUKAN PUSAT  
PENYELIDIKAN HALALAN  
THAYYIBAN UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

TARIKH TUTUP :  
RABU, 26 FEBRUARI 2020,  
JAM 2.00 PETANG



JABATAN KAJICUACA  
BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

Tawaran adalah dipelawa bagi  
**THE SUPPLY, DELIVER  
AND INSTALL  
NEW CARPET FOR  
BDMD WEATHER STATION  
AT BIA**  
Bilangan Tawaran: JKBD/2020/SH-07

Tarikh Tutup :  
Rabu, 26 FEBRUARI 2020,  
jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Projek : PROPOSED  
INFRASTRUCTURE  
WORKS AND COMPLETION  
OF BALANCE HOUSING  
CONTRACT H35 & H36 (140 UNITS)  
TERRACE FOR NATIONAL  
HOUSING SCHEME KG. RIMBA,  
GADONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. Projek : JKP / 02 / 2020

Tarikh Buka : 22 Februari, 2020  
(Sabtu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen  
Tawaran :  
11 Mac 2020 (Rabu)



Tarikh Tutup Tawaran :  
12 Mei 2020 (Selasa)



PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ICT / BUU / QTN / 2020 / 2 / 6

'QUOTATION FOR SUPPLY,  
DELIVERY, INSTALLATION OF IT  
EQUIPMENT FOR ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA  
ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ICT / BUU / QTN / 2020 / 2 / 7

'QUOTATION FOR SUPPLY,  
DELIVERY, INSTALLATION OF  
LAPTOPS FOR ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBER,  
JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN  
ANAK SALEHA, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :



SELASA, 25 FEBRUARI 2020,  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG



JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

NOTIS PEMBERITAHUAN

JABATAN TANAH, Kementerian Pembangunan sukcita menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran di Negara Brunei Darussalam supaya akan menjelaskan cukai tahunan tanah-tanah yang mereka miliki pada setiap tahun. Mereka juga dikehendaki membayar tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada. Kegagalan pemilik-pemilik tanah untuk membayar cukai tanah dan tunggakan cukai tanah tahunan mereka dalam tempoh yang telah diberikan, Jabatan Tanah boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Bab 18 Kanun Tanah Penggal 40 di mana pihak Kerajaan berhak untuk merampas dan menjual mana-mana harta alih [movable property] yang ada di atas tanah mereka dan juga berhak untuk menjual dan mengambil balik tanah mereka.

Oleh yang demikian, semua pemilik tanah di Negara Brunei Darussalam diminta untuk membayar cukai tahunan tanah dan tunggakan cukai tahunan tanah mereka di mana-mana kaunter pembayaran pejabat tanah seluruh daerah pada waktu pembayaran yang telah ditetapkan dengan tidak mengikut lokasi tanah mereka.

Waktu pembayaran cukai tanah di kaunter-kaunter pembayaran Pejabat Tanah seperti berikut :

PEJABAT TANAH  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
Isnin hingga Khamis dan Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam  
Tutup

PEJABAT TANAH DAERAH BELAIT,  
TUTONG DAN TEMBURONG  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 2.45 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam  
Tutup



KEMENTERIAN  
KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :  
PHARM / 304 / 2019 / 2020

KETERANGAN :  
THE SUPPLY AND DELIVERY OF  
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT  
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,  
MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :  
BND30.00

TARIKH TUTUP :  
3 MAC 2020  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAIN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 14/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 17 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP : 02 MAC 2020

1. PENGANALISA SISTEM KANAN

B.3 (BAHAGIAN II)

PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
KEKOSONGAN = DUA (02)  
2020/007/06

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 15/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan sahaja.

TARIKH IKLAN : 17 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP : 02 MAC 2020

1. JURUTEKNIK KANAN BAHAGIAN PENYAKIT JANTUNG

M.8 EB.9 (BAHAGIAN III)

KEMENTERIAN KESIHATAN  
KEKOSONGAN = DUA (02)  
2020/007/01

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :  
KK / 302 / 2019 / 2020 / ESTETMOH

KETERANGAN :  
TO SUPPLY AND INSTALL  
NEW POLYPROPYLENE EXHAUST  
FAN BLOWER  
INCLUDING UNPLASTISED  
POLY VINYL CHLORIDE  
(UPVC) DUCTING, ELBOWS  
AND BRACKETS AND FOR THREE (3)  
EXISTING FUME HOOD AND TO  
SUPPLY, INSTALL AND  
COMMISSIONING NEW  
FUME EXTRACTOR ARM AT  
TOXICOLOGY, NEW WING,

YURAN TAWARAN : BND10.00

BILANGAN TAWARAN :  
KK / 303 / 2019 / 2020 / UPP (TC)

KETERANGAN :  
DOMESTIC WASTE COLLECTION  
AND DISPOSAL SERVICES FOR  
WOMEN AND CHILDREN BLOCK  
OF RAJA ISTERI PENGIRAN A  
NAK SALEHA (RIPAS)  
HOSPITAL FOR A PERIOD  
OF FIVE (5) YEARS

YURAN TAWARAN :  
BND30.00

TARIKH TUTUP  
Selasa, 3 Mac 2020,  
Tidak Lewat Jam 2.00 petang




**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**IKLAN JAWATAN KOSONG**
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**Syarat-syarat Am**

a) PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Jawatan ini juga diperuntukkan bagi pengambilan tenaga akademik bagi menarik tenaga akademik dari pusat-pusat pengajian tertinggi dari luar negeri dengan penekanan kepada kelamaan berkhidmat di dalam jawatan-jawatan tertentu dan serta memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini.

d) Cara permohonan rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**PERATURAN 7(A)**

Dibukakan kepada orang ramai, pegawai-pegawai / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan

Awam Negara Brunei Darussalam dan tenaga-tenaga akademik dari pusat-pusat pengajian tertinggi dari luar negeri yang memenuhi kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

**1. JAWATAN : Profesor Madya****2. BAHAGIAN : 1****3. TANGGA GAJI : PT4  
(BND6,800.00 EBKhas BND7,010.00)****4. KEKOSONGAN JAWATAN :  
2 Kekosongan****5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN : -****SYARAT KELAYAKAN :**

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti /pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh

Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Kanan Profesor dalam tangga gaji PT3 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal *refereed journal*, pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas dari luar.

**ATAU**

Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding denganannya;

- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding denganannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Di dalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam *refereed journal* atau sumbangan bab atau chapter di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan penilaian akademik;

- Membuat penyeliaan tesis Ijazah Sarjana secara konsisten;

- Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa yang bertaraf tinggi

c) Selain dari kecemerlangan di dalam pengajaran dan penyelidikan, juga membuktikan kebolehan di dalam pengurusan Jabatan atau Fakulti di dalam jawatan seperti Ketua Jabatan atau Dekan atau Penolong Dekan.

d) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**PEMBERITAHUAN**

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB/P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Telefon : (+673) 2236277  
Faks : (+673) 2225226

Tarikh Tutup Iklan :  
**SABTU, 14 MAC 2020**

Rujukan Iklan : KUPU SB/PJW/01/2020


**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUU /  
CONTRACT / 2020 / 2 / 4**

'TAWARAN PEMELIHARAAN  
KAWASAN LANSKAP BANGUNAN  
UNDANG-UNDANG, BANGUNAN  
UNDANG-UNDANG DAN  
MAHKAMAH-MAHKAMAH DAN  
MAHKAMAH BESAR JALAN RAJA  
ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'

**BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2020 / 2 / 5**

'QUOTATION FOR SUPPLY,  
DELIVERY, AND INSTALLATION OF  
MECHANICAL MOBILE COMPACTOR  
AT LAW BUILDING, ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBER,  
JALAN RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'



**TARIKH TUTUP:**  
SELASA, 25 FEBRUARI 2020,  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG


**JABATAN PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**
**JABATAN PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI  
JUALAN SECARA TAWARAN AWAM  
2 UNIT TIANG SORTING FRAME**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa JUALAN SECARA TAWARAN AWAM bagi 2 Unit Tiang Sorting Frame yang rosak/terpakai adalah seperti berikut :

**KETERANGAN BARANG /  
PERKAKAS / PERALATAN  
1 TIANG SORTING FRAME 2 - Unit**
**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang bermintah bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **17 Februari 2020 (ISNIN)** di **Unit Kewangan, Tingkat 1, Pejabat Besar Pos, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8611, Negara Brunei Darussalam** dengan harga **BND5.00** bagi setiap satu set (**Wang tidak dikembalikan**) dengan membawa bersama Kad Pengenalan Asal.

3. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah melihat barang-barang berkenaan bermula pada **25 Februari 2020 (SELASA)** hingga **26 Februari 2020 (RABU)**, Waktu Pejabat bertempat :

**LOT 1 - Pejabat Besar Pos,  
Bandar Seri Begawan.  
Pegawai Dihubungi :  
Hj. Zulaini Bin Hj. Ashli  
HP : +673 8760567**

4. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Perkhidmatan Pos  
Peti Tarawan Tingkat 1  
Unit Kewangan, Pejabat Besar Pos  
Jalan Elizabeth II  
Bandar Seri Begawan, BS8611**


**UNISSA / SB0038 / 2019 / 2020 -  
PENYEWAAN RUANG**

**KAWASAN BAGI PENYEDIAAN  
PERKHIDMATAN  
PERNIAGAAN MESIN AIR  
MINUMAN DAN MAKANAN  
RINGAN (VENDING MACHINE)  
DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI (UNISSA)  
BAGI TEMPOH  
DUA (02) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 26 FEBRUARI 2020,  
JAM 2.00 PETANG


**Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **27 Februari 2020 (KHAMIS) Jam 2.00 Petang.**

6. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh Pihak Urus Setia dan dikehendaki untuk membayar secara **WANG TUNAI** dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya tidak dapat menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan menggunakan E-MEL.

7. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

8. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau akan disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengurus Jawatankuasa Penghapusan, Jabatan Perkhidmatan Pos dan pihak penjual berhak menawarkan kepada tertinggi kedua dan seterusnya jika tertinggi pertama gagal menjelaskan bayaran atau menarik diri.

9. Pembeli yang berjaya hendaklah memindah barang-barang tersebut dalam tempuh tujuh hari dari tarikh bayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan (wang tidak dikembalikan) dan akan dijual kepada pihak kedua atau dilelong semula atau dimusnahkan.

10. Kelewatan memindahkan peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan dipertanggungjawabkan oleh Penjual.

11. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan Tawaran.

12. Untuk keterangan lanjut mengenainya, bolehlah menghubungi :

**Pg. Hj. Muhammad Iqbal Hakeem  
Bin Pg. Hj. Hashim  
(hakeem.hashim@post.gov.bn)  
ATAU telefon bimbit +673 8968205**



# Budaya makanan harus peka perkara baharu



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan Anugerah 'The Most Wholesomeness' kepada Eco Ponies Garden.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 Februari. — Pelbagai perubahan positif telah dapat dilihat dalam Minggu Gastronomi Brunei yang kini telah memasuki tahun ke-4 dan peniaga-peniaga restoran juga telah menyesuaikan diri dengan keadaan dunia yang cepat berubah kerana budaya makanan harus sentiasa peka terhadap perkara-perkara baharu.

Penggunaan herba-herba yang bagus dan bahan-bahan segar untuk mencipta menu-menu tradisional merupakan satu keunikan dalam memperkenalkannya kepada para pelancong dari luar negara.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa melancarkan Minggu Gastronomi Brunei Ke-4, Tahun 2020 sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Menurut Yang Berhormat, sejak pelancaran Minggu Gastronomi Brunei pada tahun 2017, pelbagai masakan tempatan yang menarik

telah dihasilkan dan ditawarkan oleh restoran-restoran dan kedai-kedai makan yang mengambil bahagian.

Gastronomi jelasnya, adalah pemacu utama bagi pelancong apabila memilih destinasi dan dalam hal ini, ASEAN juga telah merangka Pelan Induk Pelancongan Gastronomi ASEAN untuk memberi rangsangan utama kepada daya tarikan masakan yang indah di semua 10 negara ASEAN.

Media sosial juga tambahnya, memainkan peranan yang sangat penting dalam mempamerkan masakan gastronomi kepada orang ramai yang mana dapat membantu perniagaan tempatan membentuk dan meneroka strategi untuk kelebihan daya saing.

Warna, tekstur, perisa, bahan, dan hidangan fotogenik di platform media sosial ujarnya, kini dapat dengan mudah menimbulkan rasa ingin tahu dan ini adalah sesuatu yang harus dimulakan oleh industri makanan tempatan.

Majlis diselanjurkan dengan Penyampaian Anugerah bagi Pemenang Minggu Gastronomi Brunei 2019 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan.

Hotel Antarabangsa Rizqun berjaya memenangi Anugerah bagi 'The Best Taste', manakala 'The Best Presentation' diraih oleh The Horizon Seafood Restaurant.

Anugerah 'The Most Innovative' pula dimenangi oleh Radisson Hotel Brunei Darussalam dan 'The Most Creative' dimenangi oleh The Brunei Hotel, sementara Eco Ponies Garden menerima Anugerah 'The Most Wholesomeness'.

Majlis juga diteruskan dengan Pelancaran Buku 'Brunei Gastronomic Cuisine - Unique Bruneian Flavours' yang mengetengahkan masakan-masakan yang disediakan dan dihidangkan sejak beberapa tahun lalu dalam usaha untuk menentukan rasa keBruneian dan memperbaiki seni masakan Brunei.

Tema Minggu Gastronomi Brunei pada kali ini ialah 'Semua Tentang Buah Kelapa' (All about Coconuts) yang mana buah kelapa digunakan sebagai bahan masakan tempatan antaranya dimasak dengan nasi, ayam dan sayur-sayur.

Minggu Gastronomi Brunei 2020 yang akan berlangsung mulai 23 Februari sehingga 8 Mac 2020 disertai oleh Eco Ponies Garden; The Longhouse Training

Restaurant, School of Hospitality and Tourism, Kampus Sultan Saiful Rijal; Mulia Hotel; Radisson Hotel Brunei; Syarikat Penerbangan Diraja Brunei; Anjung Saujana Restaurant, Dynasty Restaurant, Seasons Restaurant dan The Horizons Seafood Restaurant of Royal Brunei Catering; StarLodge; The Capital Residence Suites dan The Rizqun International Hotel.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyaksikan lebih dekat makanan-makanan yang dihidangkan.



SEMASA sesi pengadilan dijalankan.



SEBAHAGIAN hidangan yang dipertandingkan (kiri dan kanan)

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Azmah Haji Ahad

Sepanjang dua minggu acara ini diadakan, restoran-restoran yang ikut serta akan mempromosikan hidangan-hidangan utama dan istimewa mereka, antaranya 'Slow Cooked Beef' dari Radisson Hotel, 'Grilled Prawn with Coconut Kerabu' dari Mulia Hotel dan Kerabu Kelapa dari Eco Ponies.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk merasakan sendiri kulinari dan masakan Brunei di hotel-hotel dan restoran yang menyertainya.

Maklumat lanjut mengenai Minggu Gastronomi Brunei boleh didapati di laman sesawang [www.bruneitourism.com/bgw2020](http://www.bruneitourism.com/bgw2020)

## قرتندیعن منچیقتا لوکو

### PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEBAGAI PENGERUSI ASEAN TAHUN 2021

Tarikh tutup pertandingan:  
**21 Mac 2020**

Keterangan lebih lanjut boleh diperoleh melalui :

**Urus Setia Pertandingan Logo, Tingkat 2**  
**Bangunan Asal, Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
**Negara Brunei Darussalam, BB3510**

Telefon : 2383400  
E-mel : [aseansummit2021@information.gov.bn](mailto:aseansummit2021@information.gov.bn)

**PEMENANG AKAN MENERIMA HADIAH BERUPA WANG TUNAI**

<b>PERTAMA</b> <b>BND3,000</b>	<b>SAGU HATI X4</b> <b>BND300</b>
-----------------------------------	--------------------------------------

# Apa Pendapat Biskita?

## Warisan budaya bangsa wajar diketengahkan

**W**ARISAN budaya harus dikekalkan kerana ia melambangkan dan mencerminkan identiti sesebuah negara dan bangsa. Tamadun sesuatu bangsa biasanya dapat dilihat pada warisan seni budayanya, yang mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara, seperti pakaian, makanan, adat resam, seni, dan sebagainya.

Warisan budaya juga perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun. Melalui warisan budaya, kita akan mengetahui asal usul kita. Jatuh bangun susur galur kita yang terdahulu dapat dijadikan pengajaran untuk masyarakat pada masa kini. Namun pertanyaannya di sini apakah warisan budaya kita masih kekal dipertahankan dan diamalkan oleh generasi kita terutamanya generasi mudah masa kini. Apa Pendapat Biskita cuba mendapatkan beberapa pendapat daripada orang ramai mengenainya.

"Amalan warisan budaya melambangkan sikap majmuk masyarakatnya, misalnya, pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik dan berwarna-warni. Pemakainya juga tidak merujuk kepada sesuatu bangsa sahaja. Tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India, bebas memakai pakaian tradisional bangsa lain. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di Negara Brunei Darussalam bersatu hati dan sangat menghormati cara, pemikiran, budaya dan agama sesama mereka. Melalui warisan budaya juga, ia dapat memupuk perpaduan antara rakyat. Rakyat majmuk di negara kita kaya dengan nilai-nilai murni, contohnya, mereka saling hormat-menghormati, bersopan santun, saling kunjung-mengunjungi dan sebagainya. Jika dilihat pada hari perayaan, tidak kira keturunan, agama dan amalan adat resam, masyarakat majmuk di negara kita pasti akan bersama-sama berkumpul untuk meraikannya. Mereka saling kunjung-mengunjungi, bertukar juadah, juga saling menerima dan memberi. Hal ini mendedahkan mereka dengan budaya serta adat-adat masyarakat serumpun."

"Secara tidak langsung, semangat kekitaan dapat dipupuk dan mengeratkan lagi perhubungan silaturahim. Makanan tradisi juga mampu mengetarkan warisan budaya melalui pelbagai jenis makanan. Tanpa kita sedar, kepelbagaian masakan dan makanan ini, mampu menyatukan masyarakat dan mencerminkan kebudayaan setiap bangsa. Dalam mengekalkan warisan budaya untuk menonjolkan variasi dalam kalangan masyarakat, kedatangan pelancong asing juga mampu menjadikan ekonomi negara semakin meningkat iaitu melalui pertukaran wang asing kerana di samping mengekalkan warisan budaya bangsa, kita juga dapat membantu meningkatkan ekonomi negara". - **Hazari Haji Abas, BSB.**

"Kini, warisan budaya tradisional menghadapi ancaman kepupusan. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Hal ini termasuklah pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya. Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri. Budaya perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun kita. Melalui budaya tradisional, kita mengetahui asal usul kita. Dengan ini, kita tidak akan lupa daratan. Sebaliknya, kita akan sedar tentang kesulitan hidup nenek moyang kita. Dari sini kita akan mendapat ikhtiar. Budaya kita yang murni juga merupakan benteng budaya. Dengan ini, rakyat kita tidak dihanyutkan oleh budaya Barat. Yang ada pada hari ini berpuncu daripada yang silam. Jadi generasi muda harus mengenali asal usul sendiri". - **Siti Wardina binti Sallehuddin, Kiulap.**

"Warisan tradisional kita boleh disampaikan kepada generasi muda melalui latihan. Salah satu kepentingan mengekalkan budaya ialah budaya mempunyai nilai-nilai murni dan sikap menghormati. Kedua-dua sikap ini sudah hampir terkikis daripada diri remaja negara ini. Malah, sikap menghargai budaya memastikan sesuatu budaya kaum itu tidak akan luput ditelan zaman. Lihat sahaja budaya bekerjasama menjalankan kenduri sudah mula hilang sedikit demi sedikit lantaran masyarakat kita lebih suka menggunakan perkhidmatan katering. Atas alasan mudah, kita sudah melupakan budaya bekerjasama ketika mengadakan kenduri yang mempunyai banyak impak positif tetapi penat itu. Usaha mengekalkan budaya kaum sudah pasti akan mengembalikan nostalgia majlis kenduri yang dijalankan secara meriah. Untuk mengembangkan budaya tradisional, rakyat mesti dide dahkan kepada kekayaan warisan budaya negara. Kita boleh menganjurkan kempen, ceramah, wawancara serta pameran untuk menghidupkan warisan budaya. Dengan ini, rakyat kita akan lebih memahami budaya sendiri".

"Kemasukan budaya asing yang mampu menggugat kedudukan tradisi dan identiti negara juga perlu disekat. Tempat dan bangunan bersejarah perlulah dikekalkan dan dipulihkan. Dengan ini, warisan budaya dapat diikuti dan dilihat sepanjang masa. Kesimpulannya, budaya warisan seharusnya dikekalkan bagi mengelakkan warisan budaya sesebuah bangsa itu pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana budaya ini merupakan warisan daripada nenek moyang kita yang harus dijaga sebaik-baiknya agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Semua pihak haruslah memainkan peranan penting dalam menjaga dan menjadikan warisan budaya sebagai satu identiti kaum, negara dan maruah bangsa". - **Mohd. Aliakbar bin Zulkarnain, BSB.**

**Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.**  
Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn  
i. Kebaikan dan Keburukan Kafe Siber  
ii. Kebaikan dan Keburukan Sekolah Swasta

## UNISSA wujudkan Cashless Campus



**REKTOR UNISSA** bertukar dokumen bersama Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sendirian Berhad, Dayang Hajah Haniyah binti Haji Jaafar yang disaksikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hamzah Mohidin

**GADONG**, Rabu, 19 Februari. - Dalam persediaan menghadapi pemikiran Revolusi Industri Ke-4 dengan teknologi yang moden, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam usahanya merealisasikan inisiatif Perlaksanaan 'Cashless Campus' di UNISSA dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Progresif Sendirian Berhad (PSB).

Perlaksanaan inisiatif 'Cashless Campus' tersebut antara lain bertujuan untuk memudahkan pelajar dan warga UNISSA membuat pembayaran secara

digital melalui BIBD QuickPay dan Progresif Pay.

Sehubungan itu, UNISSA telah menempa sejarah dengan termeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan BIBD dan PSB yang berlangsung di Auditorium universiti berkenaan, di sini.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak BIBD ditandatangani oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Hanif

Khokhar.

Sementara itu, mewakili bagi pihak PSB pula ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dayang Hajah Haniyah binti Haji Jaafar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

UNISSA khususnya para pelajar bolehlah membuat transaksi tanpa pembayaran tunai di seluruh kampus, pada masa yang sama juga menyediakan pengurusan perniagaan dalam kampus dengan jaminan keselamatan dan lebih cekap kerana mereka tidak lagi perlu menguruskan sejumlah besar wang tunai untuk urusan pembayaran.

Selain itu, UNISSA juga menawarkan pelbagai program pengajian Islam di negara ini yang meliputi semua aspek berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah dengan cara yang sistematik dan cekap.

Ia melalui peningkatan produktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran, pendidikan, penyelidikan dan penerbitan yang berkesan menggunakan teknologi moden.



**ANTARA** yang hadir pada majlis tersebut.



# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Amalkan Budaya Kitar Semula'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2020
2. 'Pusat Belia Bandar Seri Begawan'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2020
3. 'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2020

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langku dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Produk tempatan berpotensi tembusi pasaran antarabangsa



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman Perniagaan di antara Auto Synergy bersama Kumpulan Syarikat Sabli (Sabli Group of Companies) berlangsung di atas kapal peranginan MV Sentosa.

KOTA BATU, Khamis, 20 Februari. - Lima produk tempatan Auto Synergy yang telah diberikan penjenamaan semula (*rebranding*) daripada keluaran Kumpulan Syarikat Sabli (Sabli Group of Companies) dijangka akan menempah nama sekali gus menembusi pasaran luar negara yang dinamakan Auto Synergy.

Produk makanan tin tersebut antaranya Daging Rendang, Ayam Kari, Ayam Kurma dan air mineral dalam pelbagai saiz iaitu 330ml, 600ml dan 1.5liter akan dieksport ke negara jiran iaitu Sabah dan Sarawak.

Pegawai Eksekutif Kumpulan Wawasan, Awang Mohammad Yakub bin Awang Haji Munel

ketika ditemui Pelita Brunei seterusnya berkata bahawa pihaknya telah menerima banyak pengedar yang berdaftar dan produk-produk tersebut akan dihantar melalui pengangkutan darat.

Syarikat-syarikat pengedar ini akan menjadi Focal Pengeluar Produk Halal Tempatan ke pasaran



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

## Belia pelapis legasi perundingan kampung

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 20 Februari. - Dengan bertemakan Pemimpin Belia MPK Masa Hadapan, Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong 2020 dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang akan disambut pada 23 Februari ini.

Inisiatif program ini memfokuskan kepada peluang-peluang dalam MPK yang boleh diterokai dengan lebih dalam lagi khususnya bagi golongan belia di mana belia merupakan sebagai bakal pemimpin akar umbi.

Perkara tersebut ditekankan oleh Penolong Pegawai Kerja Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong (JDT), Dayang Nuralia Zahra binti Abdullah Api pada sidang media yang berlangsung di JDT, di sini.

Acara julung-julung kali diadakan itu merupakan program anjuran bersama JDT, Badan

Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Tutong.

Penglibatan Belia adalah sangat penting sebagai penggerak, memacu idea dan pandangan yang lebih berasa serta kreatif ke arah mentransformasikan kepimpinan MPK pada masa hadapan. Bagi merealisasikan inisiatif ini, golongan belia perlu diberikan peluang dan ruang untuk memahami kewujudan, fungsi dan peranan MPK terutama sekali ke arah mendukung dan menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Konvensyen Belia MPK 2020 memberi fokus kepada tiga teras utama sebagai *future roofing* kepada MPK, iaitu kepimpinan, kemajuan dan kesejahteraan dan sosioekonomi masyarakat. Para peserta akan berpeluang untuk menimba ilmu terutama sekali di dalam menyuntik semangat untuk terus bergiat aktif di dalam MPK.

Di samping itu, konvensyen ini diadakan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin dalam kalangan belia yang berdedikasi dan berkaliber bagi meneraju kepimpinan MPK dengan corak pemikiran generasi muda yang lebih kreatif dan relevan.

Sementara itu, Ahli Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Haji Hamdan pula menjelaskan, konvensyen ini akan diadakan pada Rabu, 2 Rejab 1441 Hijrah bersamaan dengan 26 Februari 2020 Masihi dan akan berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Seramai 80 belia dan belia wanis akan menghadiri konvensyen tersebut di mana terdiri daripada ahli-ahli MPMK serta belia-belia mewakili kampung-kampung khususnya di Daerah Tutong.

Antara pengisian konvensyen ialah taklimat berkenaan dengan sejarah penubuhan, fungsi dan peranan MPK, Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam



PENOLONG Pegawai Kerja Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong (JDT), Dayang Nuralia Zahra binti Abdullah Api bersama Ahli Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Haji Hamdan pada sidang media yang berlangsung di JDT.

Negeri, JDT dan Pengusaha 1K1P dalam kalangan Belia.

Taklimat juga menjurus kepada perkongsian MPM dan MPK yang terpilih dalam kepimpinan, pelancongan berdasarkan komuniti dan aktiviti-aktiviti tahunan yang diraih oleh belia-belia.

Selain daripada itu, sesi petang

antara bangsa malah dengan adanya inisiatif dan peluang ini ia diharap akan dapat mempertingkatkan lagi ekonomi negara.

Selain itu, inisiatif ini akan dapat memperkenalkan lagi serta memperkembangkan potensi produk tempatan sekali gus menjalinkan hubungan perniagaan antara kedua-dua pihak dan apa yang penting ialah untuk membuka lebih banyak peluang khususnya para usahawan tempatan untuk terus bergiat aktif dan berusaha lebih keras khususnya dalam bidang perniagaan.

Pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman Perniagaan berlangsung di atas kapal peranginan MV Sentosa itu, menyaksikan penandatanganan antara Auto Synergy yang ditandatangani oleh Mohammad Yakub sementara Kumpulan Syarikat Sabli (Sabli Group of Companies) diwakili oleh Pengarahnya, Awang Haji Asrul Hamzy bin Haji Abdul Hamid /

Haji Sabli.

Menyaksikan penandatangan itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arsyad. Selain itu, Syarikat Auto Synergy juga menyediakan peluang serta kursus latihan untuk melahirkan lebih ramai golongan belia yang mahir dalam memasarkan produk tersendiri, keutamaan dalam rancangan melahirkan sumber tenaga manusia dalam kalangan belia yang berkemahiran sekali gus menjadi modal insan yang berguna dan menyumbang kepada perkembangan negara.

Syarikat berkenaan turus merancang untuk mengeluarkan lebih banyak produk di masa yang akan datang malah mereka juga memfokuskan para belia terutama lepasan sekolah dengan kelulusan PSR/PMB agar mereka diberikan suntikan semangat positif dan kesempatan untuk mencuba peluang yang lebih baik untuk mereka.

juga diisi dengan forum khas Konvensyen Belia MPK Daerah Tutong. Tiga ahli panel forum telah pun dijemput bagi memperkatakan tentang Pemimpin Belia MPK Masa Hadapan. Pada akhir konvensyen adalah pembentangan dan penyerahan resolusi daripada ketua-ketua kumpulan belia.

# Aktiviti hiliran pacu prestasi eksport November 2019


Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam




Lima Komoditi Import Utama



Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Peratus Taburan Import Mengikut Rakan Dagangan



**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Februari. - Jumlah eksport pada November 2019 telah melebihi BND1 bilion buat pertama kali sejak tahun 2014. Ini mengambilnya eksport terbaharu, produk petroleum dan gas hasil daripada aktiviti hiliran sebagai salah satu sumbangan utama bagi eksport.

Eksport meningkat sebanyak 44.5 peratus tahun-ke-tahun kepada BND1,113.9 juta berbanding BND771.1 juta pada

November 2018. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Api Galian sebanyak 50.1 peratus tahun-ke-tahun terutamanya disumbangkan oleh produk petroleum dan gas berjumlah BND279.2 juta. Ini juga didukung oleh peningkatan eksport Minyak Mentah sebanyak 27.8 peratus berikutnya peningkatan eksport isi padu daripada 98.9 ribu tong sehari (November 2018) kepada 131.3 ribu tong sehari pada November

2019. Manakala, jumlah import meningkat sebanyak 81.4 peratus tahun-ke-tahun kepada BND973.2 juta dipacu oleh import Bahan Api Galian selaras dengan aktiviti hiliran. Secara keseluruhan, jumlah perdagangan Negara Brunei Darussalam pada November 2019 meningkat 59.6 peratus kepada BND2,087.1 juta berbanding November 2018.

Lima komoditi import utama pada bulan ini ialah Bahan Api Galian (62.2 peratus) diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (17.1 peratus),

Barang-barang Keluaran Kilang (8.0 peratus), Makanan (5.1 peratus), dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (3.7 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan merangkumi 58.5 peratus daripada jumlah import diikuti oleh import Barang Modal (37.5 peratus) dan Barang Penggunaan (4.0 peratus).

Pasaran eksport terbesar bagi Negara Brunei Darussalam pada bulan November 2019 adalah Singapura (26.2 peratus) diikuti oleh Jepun (22.8 peratus) dan Republik Rakyat China (13.5 peratus).

Dari segi import mengikut rakan

dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Emiriah Arab Bersatu (13.9 peratus) diikuti oleh Nigeria (9.6 peratus) dan Kazakhstan (9.2 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan November 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

## YSHHB sambut Hari Hindi Sedunia 2020



ANTARA yang menyaksikan persembahan ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil (kiri). Sementara gambar kanan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan sijil dan hadiah kepada cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Mokhtar.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Februari.- Sekolah YAYasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Suruhanjaya India di Negara Brunei Darussalam hari ini meraikan Hari Hindi Sedunia 2020 dengan kegiatan yang merangkumi

sambutan Bahasa Hindi dan penampilan Persembahan Hindi oleh pelajar-pelajar sekolah.

Antara yang menyaksikan persembahan ialah Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini

Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar dalam ucapannya antara lain melahirkan penghargaan kepada sekolah tersebut atas penganjuran sambutan tersebut buat kali

keempat.

Beliau berkata Hari Hindi Sedunia disambut setiap tahun untuk mempopularkan bahasa tersebut di seluruh dunia dengan lebih 500 juta orang berbahasa Hindi di dunia yang mana bahasa ini mudah dikenali kerana sumbangan oleh industri perfilman Bollywood dalam mempopulkannya secara global. TYT juga menjelaskan di mana

banyak perkataan biasa dalam bahasa Melayu yang berasal dari bahasa Sanskrit, yang juga merupakan bahasa induk bahasa Hindi.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi menjelaskan bahawa Hari Hindi Sedunia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan memperkenalkan bahasa Hindi sebagai bahasa antarabangsa.

Antara pengisian sambutan termasuk pertandingan membaca sajak atau syair dan menyanyi lagu bahasa Hindi sekurang-kurangnya dua minit atau menerusi lakonan dengan dialog menggunakan bahasa tersebut.

Pertandingan yang dihasratkan bagi memberikan pendedahan dan pembelajaran bahasa Hindi tersebut disertai kira-kira 30 orang terdiri daripada murid-murid sekolah rendah, pelajar-pelajar sekolah menengah dan guru-guru sekolah berkenaan. Semua peserta menerima sijil dan buku, manakala 16 orang pelajar dan 10 buah fakulti menerima hadiah wang tunai bagi persembahan terbaik.

# PBCTA pelajari calak Brunei



ANTARA peserta yang hadir pada bual bicara 'Fahami Calak Brunei' bagi Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke-15 Tahun 2020.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Februari. - Seramai 42 orang peserta terdiri daripada 20 orang belia lelaki dan 22 orang belia perempuan dari keempat-empat daerah menghadiri

bual bicara 'Fahami Calak Brunei' bagi Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke-15 Tahun 2020.

Bual bicara bersama Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji

Haji Yunos itu diadakan di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara.

Dalam bual bicara itu, antara lain menyentuh tentang pengajaran sejarah iaitu bagaimana negara Brunei ini dilihat dari segi sejarahnya.

Beliau juga turut mengongsikan mengenai penggunaan *context* dalam melihat apa-apa sahaja gambaran kerana ia juga akan dapat menggambarkan tentang sejarah.

Bukan itu sahaja, Awang Haji Mohd. Rozan turut menceritakan tentang sejarah-sejarah lama seperti raja-raja, pembesar-

pembesar pada zaman dahulu kalanya.

Bual bicara tersebut bertujuan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan pengajaran kepada para belia di samping memberi maklumat kepada mereka mengenai pentingnya memahami calak di negara ini.

PBCTA dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan serta beberapa agensi lain yang terlibat iaitu Akademi



BUAL bicara bersama Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Yunos diadakan di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) dan Belia Da'e Brunei.

# PBCTA tingkat semangat patriotik



SEBAHAGIAN daripada aktiviti Treasure Hunt yang dikendalikan oleh Alumni PBCTA.

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Februari. - Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dilaksanakan dengan harapan melahirkan lebih ramai lagi belia yang berjiwa patriotik, cinta kepada negara, berwawasan dan menghargai keperibadian bangsa.

Salah satu daripada pengisian PBCTA Kali Ke-15 bagi Tahun 2020 ialah Eksplorasi Calak

Brunei yang diadakan di Pusat Belia di ibu negara.

Sehubungan itu, aktiviti Treasure Hunt bersama Alumni PBCTA diadakan pagi tadi di kawasan Pusat Belia dan Tamu Kianggeh yang disertai oleh 42 orang peserta terdiri daripada belia persendirian, belia masjid, belia Majlis Perundingan Kampung (MPK), lepasan penuntut 'A' Level,

mahasiswa dan mahasiswi Institut Pengajian Tinggi yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun dari keempat-empat daerah.

Antara tujuan aktiviti Treasure Hunt tersebut ialah agar para peserta mengenali makanan-makanan dan barang-barang tempatan yang terdapat di Tamu Kianggeh, di samping itu boleh meningkatkan semangat setia kawan, bergotong-royong dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain.

Sementara itu, pada sebelah petang, para peserta mengadakan lawatan ke Muzium Teknologi Melayu di Kampung Kota Batu. Semasa lawatan tersebut, para peserta PBCTA telah dibawa melawat ke beberapa buah galeri termasuk Galeri 1 yang mempamerkan Rumah Tradisi Kampong Ayer, Galeri 2 yang mempamerkan Teknologi Tradisi di Kampong Ayer dan Galeri 3 yang mempamerkan Teknologi Tradisi Masyarakat Tempatan di Kawasan Darat.

PESERTA PBCTA semasa mengambil cabaran pertama Treasure Hunt yang diadakan di Kawasan Pusat Belia dan Tamu Kianggeh.

Muzium Teknologi Melayu yang dibuka rasmii pada 29 Februari 1988 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mempamerkan pelbagai jenis teknologi yang digunakan oleh penduduk tempatan di negara ini dan teknologi-teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk di Kampong Ayer serta masyarakat yang tinggal di kawasan darat.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Dayang Nur Batrisyia binti Zainudin, 25, lepasan graduan Universiti Al-Azhar, Mesir berkata, dengan menyertai PBCTA, beliau dapat mengenal semula dan menyumbang bakti kepada Negara Brunei Darussalam setelah lima tahun belajar di luar negara.

Tambahnya, setakat ini banyak pengisian yang penting dan bermanfaat telah diperolehi serta pendedahan tentang Wawasan Negara 2035 dan mempelajari mengenai Negara Brunei Darussalam untuk kemahiran kepimpinan diri.

Beliau seterusnya menyarankan para belia yang lain untuk menyertai program-program yang menjurus kepada pembangunan belia yang mampu seperti ini kerana banyak manfaat yang boleh mereka perolehi.

PBCTA yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, mula diperkenalkan



TEMU bual Pelita Brunei bersama Dayang Nur Batrisyia binti Zainudin.



PESERTA PBCTA semasa membuat lawatan ke Muzium Teknologi Melayu di Kota Batu.

# Pembuka tirai Sambutan Hari Polis



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran dan pengedaran poster bersempena Sambutan Hari Polis ke seluruh negara (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



PESURUHJAYA Polis, PPDB menyempurnakan penyampaian poster kepada para pegawai PPDB serta jemputan-jemputan khas termasuk Penghulu-penghulu Kampung, pengamal-pengamal media dan wakil-wakil kementerian serta media-media massa di negara ini.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



GADONG, Rabu, 19 Februari. - Bersempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun, seperti lazimnya akan dimeriahkan dengan pelancaran dan pengedaran poster bersempena Sambutan Hari Polis ke seluruh negara dengan tema 'Bersama Menghadapi Cabaran'.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Haji Mohd Irwan bin Haji Hambali yang berlangsung pagi tadi di Dewan Bankuet, Mess Pegawai Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong, di sini.

Poster diserahkan kepada kesemua pegawai PPDB serta jemputan-jemputan khas yang terdiri daripada Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara

selaku Penghulu-penghulu Kampung, pengamal-pengamal media dan wakil-wakil kementerian serta media-media massa di negara ini.

Pemberigaan poster-poster tersebut bertujuan sebagai pembuka tirai dan pemakluman kepada orang ramai akan Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun dengan Istiadat Perbarisan Hari Polis (HP99) yang akan berlangsung pada 25 Februari 2020 nanti.

Turut hadir di majlis penyerahan tersebut, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid, para Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai-pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai serta anggota PPDB.

# Melestarikan hidangan Brunei ke peringkat antarabangsa



AWANG Haji Hasizul Bahri bin Ibrahim.



DAYANG Samliwati binti Haji Awang Damit.



CHEF Rezal Othman.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

kreativiti adalah sangat penting dalam mewujudkan keunikan dalam sesuatu hidangan.

Awang Haji Hasizul Bahri bin Ibrahim dari The Horizons Seafood Restaurant semasa ditemui menjelaskan mengenai hidangan beliau iaitu 'Coconut Madness' yang mengandungi tiga jenis masakan kelapa termasuk

parfait kelapa, mascarpone kelapa dan kelapa parut yang telah dikeringkan.

Hidangan tersebut juga tambahnya, dihidang bersama buah-buahan tropikal seperti buah kiwi, strawberi, buah naga, nanas kerana buah-buahan tersebut mempunyai rasa yang sangat serasi dengan kelapa. Selain itu jelasnya,

honeycombs juga dicampur untuk memberikan tekstur yang rangup bagi hidangan tersebut.

Menyentuh mengenai inspirasi untuk membuat hidangan tersebut, Awang Haji Hasizul Bahri berkata, beliau mendapat inspirasi daripada chef-chef tempatan dan luar negara serta melalui iklan makanan di laman-laman sosial seperti Instagram dan Pinterest.

Sementara itu, bagi Dayang Samliwati binti Haji Awang Damit dari Aircraft Catering, Royal Brunei Catering pula menjelaskan, hidangan yang disediakan ialah untuk makanan penerbangan Business Class dan Economy Class.

"Untuk hidangan Business Class, kami memilih masakan ASEAN dan bagi hidangan starter ialah kombinasi masakan ASEAN dan barat. Manakala untuk hidangan Economy Class, kami menyediakan masakan kerabu timun kelapa untuk starter, nasi kuning untuk main course dan untuk hidangan pencuci mulut, kami memilih kuih rangin yang merupakan salah satu daripada kuih tempatan di negara ini," jelasnya lagi.

Beliau berharap dengan

masakan-masakan yang dihidangkan itu, para penumpang akan lebih mengenali lagi tentang makanan-makanan tempatan yang tersaji di negara ini.

Bagi Chef Rezal Othman dari The Rizqun International Hotel pula berkata, untuk tahun ini, beliau banyak mengetengahkan anak-anak muda untuk mencuba sesuatu yang baru tapi tidak melupakan bahan-bahan masakan yang lama seperti rebung.

Hasrat beliau ialah agar anak-anak muda pada masa ini dapat mengenali dan tahu makanan-makanan tradisi Brunei iaitu dengan membuat masakan yang lama tapi mempunyai cara masakan yang baharu tanpa mengubah atau lari dari rasa yang asal.

Dengan menyertai Minggu Gastronomi Brunei ini, beliau berharap akan dapat melestarikan lagi hidangan Brunei ke peringkat antarabangsa serta menambahkan ilmu dalam memasak dan persembahan hidangan selain mencuba sesuatu yang baharu serta memperbaikkitan lagi masakan Brunei dengan mengimbau kembali masakan serta makanan yang sudah pupus dan dilupakan.

# Sukan

## INFO SUKAN

ACARA Development Run 2020 kelolaan Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang berlangsung pada 16 Februari 2020, bermula dan berakhir di di Taman Mahkota Jubli Emas telah disertai lebih daripada 400 peserta. Kategori Lelaki dan Wanita 15 Kilometer masing-masing dijurnari oleh Md. Khairul Anuar dan Siaw Kim Tho.



ePaper Pelita Brunei

## 24 sertai Seminar Pesuruhjaya Perlawan Dalam Negeri



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan bergambar ramai bersama para peserta Seminar Pesuruhjaya Perlawan Dalam Negeri (Domestic Match Commissioner Seminar) yang diadakan di NFABD House.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 20 Februari. Seramai 24 orang peserta di keempat-empat daerah di bawah gabungan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) mengikuti Seminar Pesuruhjaya Perlawan Dalam Negeri (Domestic Match Commissioner Seminar) bertempat di NFABD House.

Hadir pada pembukaan seminar tersebut ialah Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Seminar disampaikan oleh Jack Subra daripada tenaga pengajar Asian Football Confederation (AFC).

Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin semasa ditemu bual berkata seminar ini penting terutama bagi NFABD yang akan memulakan Liga Bolasepak bermula pada 28 Februari ini dan musim liga pada tahun ini yang akan berlarutan sehingga bulan November.

Jelasnya, antara tugas utama seminar tersebut adalah untuk memastikan bahawa setiap aspek perlawan terjaga iaitu pasukan-pasukan, pengadil-pengadil, kemudahan-kemudahan dan mereka telah bersiap siaga di mana

perlawan-perlawanan akan dijalankan tanpa halangan.

"Match Commisioner akan membuat perhatian ataupun laporan jika ada perkara-perkara yang luar biasa dan perkara-perkara berbangkit untuk ketetapan jawatankuasa tetapi kitani harap perkara-perkara ini tidak akan timbul," ujarnya lagi.

Walau bagaimanapun, menurut beliau seminar ini juga akan membuat pemerhatian yang akan dapat meningkatkan lagi prestasi pasukan dan

pengendalian perlawan-perlawanan.

Oleh itu, beliau berharap para peserta seminar akan dapat mengambil kesempatan daripada tunjuk ajar, ilmu dan maklumat yang dikongsi sama dalam seminar berkenaan.

Seminar yang dianjurkan oleh NFABD ini dikendalikan oleh Pegawai daripada AFC yang diadakan selama dua hari yang diisikan dengan tayangan-tayangan video berkaitan dengan insiden-insiden ataupun perkara-perkara yang perlu diambil berat apabila menjadi Pesuruhjaya perlawan.



SEMINAR disampaikan oleh Jack Subra daripada tenaga pengajar Asian Football Confederation (AFC) (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian daripada peserta yang hadir pada seminar tersebut.



## Tahukah Awda

PERSATUAN Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) pada 3 Januari 2020 menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yonex Sunrise Singapore di Hotel Mulia.

Melalui MoU tersebut, Yonex Sunrise akan menaja para atlet badminton kebangsaan dan persatuan berkenaan termasuk dalam bentuk peralatan sukan dan hadiah bagi kejohanan badminton anjuran PBKBD, bermula dari Oktober 2019 hingga September 2024.

SUMBER : Pelita Brunei, 3 Januari 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BELIA CEMERLANG MEMBANGUN, MEMAJUKAN NEGARA, RELA BERKORBAN

دتربيتكن اوله جباتن قبراغن، جباتن قردان منtri دان دچيتن اوله جباتن قرچيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam